

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid III

Bil. 5

Hari Isnin

19 Mei 1997

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan 1)

Urusan Mesyuarat

(Ruangan 3)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

(Ruangan 3)

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong.

- *Y.B. Puan Kamalia binti Ibrahim*

(Ruangan 41)

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Mesyuarat Pertama
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P.

(Dilantik)

- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sun (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Shanmugan a/l R.M.S. Mutaya, A.M.N., P.J.K. (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

DN.19.5.97

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 19hb. Mei, 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut . Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA
DEWAN NEGARA**

“15hb. Mei, 1997.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 1997;
2. Rang Undang-undang Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997;

3. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bersama Pegawai Hal Ehwal Islam 1997;
4. Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997;
5. Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997;
6. Rang Undang-undang Tafsiran (Pindaan) 1997;
7. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997;
8. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997;
9. Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997;
10. Rang Undang-undang Peguambela Sabah (Pindaan) 1997; dan
11. Rang Undang-undang Peguambela Sarawak (Pindaan) 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

RUMAH KOS RENDAH - PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA

1. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh mana penglibatan sektor swasta dalam melaksanakan

rumah-rumah kos rendah akan dapat dicapai dan adakah jumlah tawaran rumah-rumah ini mengikut perancangan yang telah ditentukan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol

Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, sasaran pembinaan rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah 200,000 unit. Daripada jumlah tersebut, sasaran bagi sektor swasta adalah sebanyak 140,000 unit. Berdasarkan anggaran prestasi bagi tahun 1996 lebih kurang 24,000 unit rumah kos rendah telah dibina oleh sektor swasta. Berdasarkan pencapaian ini yang diunjurkan kepada tahun 2000 sebanyak 120,000 unit rumah kos rendah akan dapat dibina oleh sektor swasta, iaitu menghampiri sasaran yang ditetapkan bagi sektor swasta.

Melalui penekanan dan galakan yang diberi oleh kerajaan, adalah dijangkakan sektor swasta akan mencapai matlamat pembinaan rumah kos rendah di akhir Rancangan Malaysia Ketujuh.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat pemaju-pemaju khasnya di kawasan-kawasan bandar, umpamanya di Kuala Lumpur, di kawasan tiga segi emas (golden triangle) yang membina rumah-rumah berharga tinggi. Mereka ini tidak dikenakan syarat untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah kerana kawasan yang dimajukan adalah tidak sesuai untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang mengenakan satu bentuk sumbangan. Pemaju-pemaju yang mendirikan rumah-rumah kos tinggi ini juga disyaratkan supaya memberikan sumbangan, umpamanya kepada Tabung Perumahan Kos Rendah ataupun sebagainya. Umpamanya, setiap unit yang didirikan mereka dikenakan bayaran RM5,000 ataupun RM10,000 untuk membiayai projek-projek kos rendah di tempat-tempat yang lain supaya pemaju-pemaju

ini juga memainkan peranan untuk mencapai matlamat sepertimana yang telah pun ditetapkan oleh pihak kerajaan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat tadi memanglah baik. Sebenarnya kementerian pun pernah mencadangkan kepada Dewan Bandaraya agar pemaju-pemaju yang membina kondokondo mewah dalam kawasan yang mana nilai harga tanah begitu tinggi supaya dapat membina rumah-rumah ataupun flat-flat kos rendah di kawasan yang harga tanahnya boleh dibina dengan rumah kos rendah. Misalnya, kalau mereka mendapat tanah di kawasan Wangsa Maju untuk membina rumah kos rendah sama ada di Kajang ataupun di Rawang. Jadi, cadangan Yang Berhormat tadi akan kita panjangkan kepada Dewan Bandaraya. Saya yakin bahawa cadangan ini akan diterima baik oleh Dewan Bandaraya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kajian yang dibuat ada kemungkinan besar kawasan-kawasan rumah kos rendah dengan saiz yang begitu kecil, lebih kurang dua bilik saya difahamkan, ianya merupakan punca gejala sosial, kerana selain daripada itu, kawasan rumah kos rendah ini tidak mencukupi dari segi prasarana, kemudahan-kemudahan untuk orang-orang muda melepaskan angin, melepaskan wap dia dari segi kegiatan-kegiatan yang positif. Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menimbangkan supaya rumah kos rendah ini dibuat daripada material yang tidak begitu mahal tetapi keluasan kaki persegiunya lebih daripada - kalau sekarang ini 600 kaki misalnya naik kepada 800 kaki dan bilik pun ditambah. Kalau sekarang ini dua bilik mungkin ditambah jadikan tiga bilik dan sebagainya, dan setiap kawasan rumah kos rendah mempunyai infrastruktur ataupun prasarana atau kegiatan-kegiatan membina dapat juga diwujudkan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya semua rumah kos rendah bermula dari beberapa tahun yang lalu disyaratkan mempunyai tiga bilik. Kita juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi iaitu diwujudkan prasarana yang lebih baik untuk rumah-rumah kos rendah ini. Bagaimanapun berkenaan dengan saiz rumah yang kecil, saya ada berbincang dengan seorang profesor daripada India, seorang arkitek. Apabila kita memberitahu saiz rumah kos rendah yang ada di Malaysia, dia mengatakan, dengan izin, 'that's very big according to our view.' Jadi, dari segi pemikiran orang-orang di India rumah-rumah kos rendah kita ini besar.

Kalau kita pergi ke Singapura, rumah kos rendah di Singapura pun lebih kurang sama dengan rumah kos rendah yang ada di Kuala Lumpur ataupun di tempat-tempat lain. Tetapi di Singapura lantainya tiles, dindingnya wall paper, tiap-tiap bilik air-cond, dan dalam bilik tidurnya wall-to-wall carpet. Tetapi saiz rumah tadi sama. Di Singapura mungkin prasarananya, kemudahan asasnya lebih daripada yang ada di negara kita. Jadi, dalam saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan prasarana, dengan harga RM25,000 yang kita tetapkan, kalau kita minta saiz yang lebih besar, saya takut kalau sekarang ini kita boleh bina 120,000 unit, dengan permintaan kita yang berlebih-lebih ini, nanti 120,000 ini pun kita tidak dapat capai.

Bagaimanapun kalau di kawasan luar bandar, misalnya di Gerik, Pendang, Sik, Gua Musang dan sebagainya mungkin oleh kerana kos tanahnya begitu rendah, sememangnya rumah kos rendah yang diberi di kawasan ini adalah rumah teres satu tingkat, dan di masa yang akan datang ini kita akan syaratkan supaya atapnya daripada simen tiles. Jadi, walaupun rumah kos rendah tetapi nampak mahal.

HUKUMAN BUANG DAERAH - JUMLAH DAN JENIS KESALAHAN

2. **Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapa ramaikah yang masih dikenakan hukuman buang daerah mengikut jenis-jenis kesalahan yang bersabit dengan hukuman ini dari tahun 1995 hingga masa kini; dan
- (b) berapakah yang terbabit dengan dadah dan berapakah harta rampasan dari pengedar dadah yang telah dirampas.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 22hb. April, 1997 jumlah bilangan orang sekatan di bawah undang-undang pencegahan adalah 1,896 orang. Daripada jumlah bilangan ini, bilangan mereka yang terlibat di dalam kegiatan dadah yang dikenakan Perintah Sekatan Buang Daerah dan juga penggantungan Perintah Perlanjutan Tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ialah seramai 1,313 orang. Sejak Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini dikuatkuasakan, sejumlah RM56,354,119.60 harta mereka yang telah terlibat dengan kesalahan dadah telah disita, dan daripada jumlah itu sejumlah RM14,334,176.66 telah pun dilucuthakkan, manakala bakinya masih menunggu keputusan perbicaraan di mahkamah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Memandangkan dunia sekarang ini kecil, tambah pula Malaysia, lagi kecil masa daripada Butterworth ke Kuala Lumpur 3 jam sahaja dan mereka-mereka yang dibuang daerah ini sempat balik ke tempat mereka ditahan itu dalam tempoh daripada 6 pagi sehingga 6 petang.

Jadi timbul masalah yang mereka ini melakukan jenayah-jenayah seperti mana yang dilakukan dahulu di daerah mereka, tempat asal kemudian apabila dia pergi pula ke daerah yang dibuang itu dia buat pula perkara yang tidak patut dibuat, melakukan suatu jenayah atau mengadakan sindiket pula di kawasan itu, perkara ini saya difahamkan pernah berlaku. Jadi apakah kesannya buang daerah ini kalau perkara-perkara ini boleh

berlaku lagi di daerah-daerah yang mereka ini dibuang? Tidakkah ada cara lain kerajaan untuk menahan mereka ini supaya mereka tidak dapat bergiat lagi dalam perkara-perkara yang kita semua tidak hendak ia berlaku?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya sebagai contoh kalau kita gunakan Akta Dadah Merbahaya seseorang pengedar dadah itu kalau sekiranya kita tidak dapat dakwa di mahkamah tetapi masih kita pastikan bahawa seseorang itu pengedar dadah, kita akan gunakan akta ini masukkan mereka ke dalam pusat tahanan pemulihan akhlak. Di situlah pemulihan dijalankan untuk tempoh 2 tahun, dilanjutkan 2 tahun lagi atau lanjut lagi 2 tahun sehingga pihak kerajaan sudah puas hati seseorang itu sudah boleh ataupun sikap sudah positif, sudah insaf dan boleh diberi peluang untuk mereka kembali ke pangkuan. Pada masa itulah kita gantungkan perintah itu dan buang orang itu keluar

Pada masa itu, pada tahap itu golongan orang ini dikira lebih tidak begitu bahaya kalau banding dengan pada masa mereka itu berada di dalam pusat tahanan. Ini satu kategori bagi pengedar dadah. Bagi yang lain-lain kesalahan, biasanya kalau orang itu tidak begitu ganas, tidak begitu salah besar, katakan kesalahan itu sederhana atau kita masih boleh beri peluang maka kita buang daerah. Jadi golongan orang inilah yang di dalam jumlah 1000 lebih yang saya katakan itu. Lagipun kalau sekiranya polis itu menjalankan tugas tiap-tiap hari pastikan mereka itu lapor pada polis. Dalam pada itu ada sesiapa melanggar peraturan itu adalah satu kesalahan yang serius bahawa mereka itu boleh dihukum masuk penjara. Jadi saya rasa orang yang kena sekatan dia tahu, ketua-ketua gangster pun sudah takut kalau kata buang daerah, dia memang ada banyak sekatan, banyak sangat perkara yang dia tak ingini. Tetapi saya setujulah kadang kala apa sistem pun ada sedikit sebanyak masalah segelintir orang akan cuba langgar undang-undang.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila sentuh hukuman buang daerah barangkali kita masih ingat bahawa tahun lepas beberapa pemain negara dan pemain negeri bola sepak yang telah dibuang daerah. Bagaimanakah nasib kedudukan mereka dan apakah pembuangan daerah ini tidak boleh dilonggarkan untuk mereka? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Pandangan selalu berbeza-beza, ada orang kata sepatutnya hukum yang lebih berat, ada orang kata kurangkan dia punya hukuman. Walau bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengkaji selepas satu tempoh sama ada pembuangan daerah itu boleh dikurangkan dia punya tempoh. Biasanya dia ada beberapa undang-undang yang saya tidak jelas satu persatu, kalau sekiranya kita ikut Akta Kediaman Terhadap Menteri Dalam Negeri boleh sekat seseorang itu antara 1 hingga 3 tahun tetapi sekiranya ada rayuan, ada bukti bahawa seseorang itu tidak sepatutnya dihukum begitu lama Jawatankuasa Pemulihan di bawah Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengkaji semula.

HOSPITAL LUAR BANDAR - PENUBUHAN LEBIH BANYAK LAGI

3. **Puan Sri Sarasa Pasamanikam** minta Menteri Kesihatan menyatakan:
- (a) setakat manakah Kementerian telah berjaya dalam rancangan menubuhkan lebih banyak hospital di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan penempatan baru selaras dengan penambahan kadar populasi penduduk; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam mendidik awam terutama di kalangan masyarakat luar bandar mengenai penyakit-penyakit merbahaya seperti AIDS dan Barah dan kepentingan rawatan awal.

Dato' M. Mahalingam [Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan]: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan,

- (a) Di seluruh negara kini wujud 118 buah hospital. Daripada jumlah ini 16 hospital adalah hospital di pusat bandar yang lain-lainnya ialah hospital-hospital daerah yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Untuk

memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang lebih meluas kepada rakyat. Selain daripada hospital, kerajaan telah membina 774 klinik kesihatan di pinggir-pinggir bandar dan 1,998 klinik desa di kawasan luar bandar.

- (b) Kementerian Kesihatan telah pun melaksanakan kempen cara hidup sihat yang ditunjukkan kepada semua lapisan masyarakat termasuk yang di luar bandar sejak dari tahun 1991, yang mana maklumat mengenai penyakit-penyakit merbahaya seperti AIDS, kanser, kencing manis dan lain-lainnya telah diberi kepada orang awam. Untuk tujuan ini berbagai strategi dan aktiviti telah dijalankan oleh kementerian kesihatan Malaysia termasuk kempen melalui media massa, sesi ceramah, dialog, pameran, pengedaran maklumat melalui risalah, poster dan lain-lain.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan status klinik-klinik kesihatan luar bandar terutamanya bagi klinik-klinik kesihatan luar bandar yang juga memberi khidmat kepada kawasan-kawasan yang besar terutamanya bagi fasiliti bersalin kerana kita tahu kadang-kadang kawasan tempat klinik kesihatan itu jauh daripada hospital. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, di Rancangan Malaysia Ke-7, 109 klinik rumah bidan dinaik taraf jadi klinik desa, memang ada perancangan.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada kementerian kesihatan. Tadi dia sebut ada klinik-klinik desa ada klinik-klinik kesihatan luar bandar. Cuma adakah kerajaan dapat memberi jaminan bahawa klinik-klinik tadi mendapat kakaitangan sepenuhnya contohnya seorang doktor

atau 2 orang doktor sebagaimana diperlukan oleh klinik-klinik tersebut kerana saya pernah melihat ada klinik infrastrukturnya cukup tetapi tidak ada seorang doktor, terima kasih.

Dato’’ M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ini terjadi dengan supply yang demand, kita susah mendapat doktor. Oleh itu kementerian ada mengambil doktor melalui kontrak dari luar negeri dan kita pun ada luaskan dengan tempat training dengan nurses di tempat ini. Oleh itu kita fikir suatu masa yang akan datang kita boleh selesai masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail.

Tuan Haji Abu Bakar Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya no. 4 dengan sedikit pembetulan ‘kewangan konvensional’.

PRODUK SISTEM KEWANGAN ISLAM - PELAKSANAAN

4. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah produk sistem kewangan Islam tidak dapat dilaksanakan dalam sistem kewangan negara disebabkan ianya boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi, tidak sesuai dengan sistem kewangan konvensional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, perbankan Islam mula pada tahun 1983 dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad atau BIMB. Setakat ini bank tersebut dan produk-produk yang ditawarkan oleh Bank Islam telah diterima pakai dan mendapat sambutan yang menggalakkan sama ada dari umat Islam ataupun yang bukan Islam.

Penubuhan Bank Islam adalah di bawah Akta Bank Islam 1983 dan operasi bank ini dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Ini bermakna produk-produk perbankan Islam adalah sesuai dengan kehendak pengguna dengan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Kedayamajuan produk-produk perbankan Islam telah menarik minat institusi-institusi kewangan konvensional untuk turut menawarkan produk-produk yang sama di institusi mereka. Malah kerajaan telah memberi galakan kepada perkembangan perbankan Islam dengan memperkenalkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada tahun 1983 yang membolehkan institusi kewangan konvensional menawarkan produk-produk perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan sektor perbankan Islam semakin penting dalam arus pembangunan ekonomi negara dan adalah kurang tepat hujah yang mengatakan produk perbankan Islam boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan tidak sesuai dengan sistem kewangan konvensional. Malah syarikat-syarikat kini telah mula beralih kepada produk perbankan Islam sebagai satu alternatif khususnya dalam sekuriti hutang swasta secara Islam dan membiayai projek-projek infrastruktur mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanyakan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, sama ada kerajaan bercadang untuk membantu amanah Saham Bank Islam yang lain supaya berpatutan, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh : Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk membantu mana-mana skim tabung amanah termasuk yang berlandaskan syariah kerana kerajaan percaya skim seumpama itu boleh bersaing dengan skim tabungan amanah konvensional. Galakan yang sedia ada dan akan terus diberi kepada industri berkenaan dan kawal selia akan dibuat sepatutnya. Suruhanjaya Sekuriti juga telah menubuhkan sebuah Majlis Nasihat Syariah yang beri tumpuan kepada isu-isu syariah dalam industri sekuriti dan akan mengeluarkan garis panduan bagi menyelaraskan operasi tabung unit amanah berdasarkan syariah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bagaimana kedudukan pasaran modal kewangan Islam sekarang ini berbanding dengan pasaran modal wang konvensional dan nampaknya Bank Islam ini sungguh nampaknya popular sekarang ini. Bilakah kerajaan memikirkan untuk

mewujudkan kaunter-kaunter di bank-bank institusi komersial yang lain atau konvensional supaya orang yang hendak buka akaun secara perbankan Islam dapat dibuat di Malayan Banking, Bank Bumiputra, Oriental Bank, Publik Bank, Hong Leong Bank dan bank-bank yang lain jadi senang orang-orang Islam, dia tak perlu tuju ke Bank Islam sahaja, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh : Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990 saiz securiti hutang swasta cara Islam berbanding pasaran securiti hutang swasta adalah sebanyak 19.3 % dan menurun kepada 6.1% pada tahun 1993. Dan ianya telah meningkat semula kepada 9.3% pada tahun 1996. Jadi peranan institusi kewangan Islam adalah sebagai satu alternatif sebagaimana yang saya katakan tadi untuk umat Islam bermuamalah mengikut prinsip-prinsip syariah. Jadi institusi kewangan Islam di Malaysia khususnya Bank Islam telah membantu dalam penubuhan bank-bank Islam di Indonesia dan juga di Brunei dan pada ketika ini sebuah Bank Islam akan ditubuhkan di pusat Kewangan Pesisir Luar Labuan sejajar dengan objektif kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan Islam luar pesisir di rantau ini.

Mengenai soalan kedua, kerajaan menggalakkan bank-bank komersial merchant bank untuk membuka kaunter supaya dapat orang-orang Islam dan juga bukan Islam menyumbang dalam muamalah Islam ini dan kaunter-kaunter di bank komersial telah banyak dijalankan dan saya rasakan lama kelamaan tiap-tiap bank akan mengadakan kaunter mereka sendiri.

AUTOMASI DI SEKTOR PERKILANGAN - GALAKAN

5. **Dato' Chet Singh a/l Karam Singh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bahawa memandangkan kekurangan tenaga buruh sama ada kementerian menimbang menawarkan insentif bersesuaian bagi menggalakkan kilang-kilang asing yang berintensif buruh untuk memperkenalkan automasi secara meluas dalam proses pembuatan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menggalakkan automasi dalam industri perkilangan memandangkan masalah kekurangan tenaga buruh di negara ini.

Pada masa ini kerajaan telah mewujudkan Tabung Penyusunan Semula Industri (IAF) bagi membolehkan pekilang-pekilang dalam sektor industri terpilih yang ingin menyusun semula operasi mereka memohon pinjaman mudah di bawah tabung ini.

Pinjaman ini adalah untuk membiayai kos pembelian mesin dan peralatan bagi meningkatkan kapasiti dan kecekapan dalam proses pengeluaran. Sektor-sektor industri yang layak mendapatkan pinjaman ini ialah sektor industri berasaskan kayu, tekstil, mesin dan jentera dan penapisan minyak sawit.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada insentif kewangan tersebut, syarikat-syarikat yang diluluskan untuk menyusun struktur operasi mereka juga layak memohon Elaun Penyusunan Industri atau, dengan izin, Industrial Adjustment Allowance. Elaun Penyusunan Industri boleh diberikan sehingga 100% daripada jumlah perbelanjaan modal syarikat untuk tujuan penyusunan semula.

Di samping itu, syarikat yang sedang beroperasi juga boleh menikmati Elaun Pelaburan Semula, atau, dengan izin, Reinvestment Allowance sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang dibelanjakan untuk tujuan membesarkan keupayaan pemodenan dan meningkatkan keupayaan mesin dan kilang termasuk automasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua, kerajaan juga akan mengkaji semula insentif-insentif yang ada untuk mempergiatkan lagi usaha bagi meningkatkan kadar automasi di sektor perkilangan.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa semasa kita menghadapi masalah pengangguran, kita menggalakkan industri yang 'labour intensive' dan selepas itu sekarang ini kita menggalakkan pula industri 'machine intensive'. Sekarang ini kita sedang beralih kepada era teknologi maklumat, jadi, adakah pihak kementerian mempunyai insentif tertentu bagi

industri yang mempunyai 'brain intensive' khasnya industri yang akan berkecimpung dalam koridor MSC yang akan datang?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ya. Sebab, kalau sesiapa yang ingin menceburi di dalam MSC dan jika diluluskan akan menikmati pengecualian cukai selama sepuluh tahun dan ada banyak lagi insentif yang akan dikenakan kepada syarikat-syarikat yang diluluskan sebagai syarikat MSC.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu kita bahawa beberapa insentif diberi kepada industri ini untuk lebih menggunakan secara automasi. Soalannya ialah apakah kriteria yang dikenakan kepada syarikat-syarikat berkenaan dan adakah kerajaan juga menyediakan cara-cara bagaimana boleh membantu syarikat-syarikat ini dapat menikmati insentif yang dikatakan tadi?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, kekurangan tenaga adalah satu isu di dalam perkilangan. Oleh sebab itu, kadar pelaburan modal bagi buruh sekarang telah dinaikkan kepada RM55,000. Sesuatu pelaburan yang kurang daripada RM55,000 tidak digalakkan, ini adalah satu kriteria.

Selain daripada itu, banyak syarikat IKS atau syarikat-syarikat besar akan menikmati insentif yang telah dibukukan di dalam sebuah buku, semua kriteria itu ada disebutkan di dalam buku itu. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin tahu, datanglah ke MITI dan kita akan membekalkan buku-buku itu.

SENAMAN - PENGLIBATAN RAKYAT MALAYSIA

6. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengikut satu survey, hanya 13% rakyat Malaysia bersenam setiap hari, 41% bersenam sekali-sekala manakala 46% langsung tidak bersenam. Dalam tinjauan yang sama, ada 83% rakyat kita menyedari kepentingannya senaman bagi menjamin kesihatan tetapi mereka ini tidak berpeluang berbuat demikian kerana jadual kerja terlalu ketat atau disebabkan kesesakan lalu lintas dan ketiadaan kemudahan fizikal. Selain daripada program Rakan Muda, adakah kementerian menjalankan program lain untuk orang awam supaya lebih ramai lagi rakyat Malaysia menjadi sihat, cergas dan cerdas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti

Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, statistik mengenai kekerapan bersenam di kalangan rakyat yang dirujuk adalah hasil dari satu kajian yang dibuat oleh 'Frank Small and Associates' yang disiarkan melalui *The Star* pada tahun 1996 dalam ruangan 'Market Facts'. Kajian kekerapan rakyat Malaysia bersenam yang dijalankan adalah secara 'sampling' sahaja di kalangan 1,000 orang yang terpilih. Kajian ini hanya ditumpukan di Semenanjung Malaysia sahaja.

Di bawah Program Kecergasan Nasional, kementerian sentiasa menggalak dan melibatkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup yang aktif dan cergas sesuai dengan konsep 'Sukan Untuk Semua'. Untuk mencapai tahap kecergasan yang optimum, seseorang itu mestilah rajin dan berusaha mengamalkan sistem pemakanan yang seimbang serta dengan aktiviti latihan jasmani yang berjadual dan sistematik.

Kementerian telah membuat promosi dan publisiti melalui media massa seperti jingle 'Malaysia Cergas' dan promosi aktiviti kecergasan, kesukanan dan rekreasi yang boleh dipraktikkan oleh individu ke arah meningkatkan kecergasan fizikal.

Sesungguhnya amalan kecergasan fizikal individu itu tidak semestinya mempunyai peralatan yang canggih, tempat latihan yang mewah dan masa yang panjang. Konsep 'Sukan Untuk Semua' mengajak seseorang itu bersenam di mana juga tempat yang boleh

dan pada bila-bila masa yang sesuai untuk mengaktifkan fungsi 'kardiovaskular'. Antara contoh senaman ialah berjalan kaki, naik tangga, bersiar-siar di taman dan berekreasi.

Seseorang itu juga dapat bersenam setempat sama ada di pejabatnya, dalam kereta semasa kesesakan lalu lintas atau semasa menonton televisyen di rumah dengan menjalani senaman regangan tangan, kaki, tengkuk dan dada, pinggang, perut dan tulang belakang.

Pengurusan masa individu menjadi faktor yang penting di dalam amalan kecergasan diri. Seseorang itu perlu mengaktifkan tubuh badannya sekurang-kurangnya tiga kali seminggu dan masa 30 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, setiap kali dengan mengikuti petua 'FITT' iaitu Frequency (Kekerapan), Intensity (Intensiti), Time (Masa) dan Types (Jenis Aktiviti).

Antara program penggalakan kecerdasan dan kesihatan yang dilaksanakan ialah Seminar Kecergasan Eksekutif, Gym Rakyat, Senamrobik Massa, sambutan dan penyertaan 'Special Event' kesukanan seperti Hari Keluarga, Hari Warga Tua dan sebagainya, seminar, persidangan, konvensyen peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa, Program Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan, Sukaneka, penubuhan Pusat Kecergasan Komuniti/Kumpulan Malaysia Cergas, Program Pembudayaan Sukan - Siri Mari Belajar dan bantuan pentadbiran serta program-program yang lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah kerajaan sedar bahawa kemudahan tempat-tempat untuk latihan jasmani yang lebih berkualiti hanya terdapat di kawasan-kawasan bandar, sedangkan di kawasan

luar bandar, rakyat hanya berpeluang bersenam di tempat-tempat yang biasa yang tidak mempunyai kualiti yang tidak secara saintifik.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan saya tadi, telah pun kita kemukakan bahawa di dalam membuat latihan dan aktiviti kecergasannya, sebenarnya 'apparatus' atau barangan seperti yang diadakan dalam bilik gym itu bukan yang paling mustahak. Walau bagaimanapun, kita telah pun mendapat maklumat bahawa di antara lain kualiti seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi, misalnya di gym-gym rakyat mungkin tidak begitu baik di setengah kawasan, bukan hanya di luar bandar tetapi terdapat juga di bandar-bandar.

Ini adalah bukan kerana ada diskriminasi pihak kementerian di antara luar bandar atau bandar, tetapi mereka yang menggunakan barang-barang ini tidak menjaganya dengan baik.

Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kerjasama semua yang terlibat terutama sekali Wakil-wakil Rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator supaya dapat membantu kementerian menjaga dan menahan tahap kualiti yang ada sama ada di luar bandar atau di bandar.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat pandangan dari pihak kerajaan adakah pengubahsuaian kemudahan fizikal dalaman disebabkan Yang Berhormat meminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat memberi sokongan atau bantuan ke arah melahirkan rakyat yang sihat. Soalan saya, adakah kaedah kemudahan fizikal dalam mengamalkan 'massage' boleh membantu ke arah sepertimana Yang Berhormat maklumkan tadi? *[Ketawa]*

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, 'correct me if I am wrong!' Tetapi mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kerusi yang special untuk 'massage' atau mungkin bukan orangnya. *[Ketawa]*

Jadi, saya tidak begitu faham secara khusus maksud soalan Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi walau bagaimanapun, saya rasa sama ada kita membuat pengubahsuaian atau tidak, semuanya terpulang kepada diri individu itu sendiri. Misalnya, kalau di Parlimen, kalau kita ada gym saya rasa eloklah semua Ahli Yang Berhormat mungkin Tuan Yang di-Pertua sama dapat menggunakannya sebelum bersidang dan selepas bersidang. Kalau tidak, kita perlu pengubahsuaian supaya menentukan barangan fizikal ini tidak lapuk kerana tidak digunakan.

BANCI PENDUDUK - TARIKH DIJALANKAN SEMULA

7. **Tuan Charern Intachat** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) bilakah urusan banci penduduk akan dibuat semula; dan
- (b) di dalam banci yang akan datang bolehkah bilangan penduduk dari kaum-kaum minoriti di negara ini diperolehi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Azmi bin Khalid]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Banci penduduk dan perumahan di Malaysia pada amnya dilaksanakan setiap sepuluh tahun. Dan ini adalah selaras dengan amalan di kebanyakan negara-negara lain. Tiga banci terakhir yang telah diadakan di Malaysia adalah pada tahun 1990, 1980 dan 1971. Setakat ini kerajaan belum memutuskan tarikh untuk banci akan datang. Tetapi ia dijangka akan dijalankan pada tahun 2001.

- (b) Banci penduduk meliputi semua orang yang berada di Malaysia pada hari banci iaitu termasuk orang asing yang tinggal atau berada di Malaysia. Klasifikasi penduduk mengikut etnik adalah merangkumi semua kumpulan termasuk kumpulan minoriti seperti yang telah diamalkan kepada banci-banci yang terdahulu.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita mengetahui berapakah population terkini di Malaysia?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang sebenarnya tidak ada pada saya di sini, tetapi mengikut bancian pada tahun 1990 ia di bawah 20 juta, tetapi diunjurkan mengikut 'projection' dianggarkan lingkungan antara 20 juta hingga 21 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Daud.

Tuan Haji Hassan bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 8.

PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT SEMASA MEMANDU - TINDAKAN

8. **Tuan Haji Hassan bin Ali [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian sedar masih terdapat ramai pemandu kereta menggunakan telefon semasa memandu dan adakah kementerian bercadang mengenakan tindakan yang lebih keras.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan akhbar memang terdapat pemandu-pemandu yang masih menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Walau bagaimanapun, laporan ini tidak dilengkapi dengan maklumat untuk membolehkan tindakan diambil terhadap pemandu berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semenjak berkuatkuasanya peraturan melarang penggunaan telefon bimbit semasa memandu mulai 12hb. Ogos 1996 sebanyak 7,954 kes telah pun dikesan dan diambil tindakan.

Kementerian ini tidak bercadang untuk mengenakan tindakan yang lebih keras terhadap mereka yang melakukan kesalahan tersebut memandangkan peraturan yang ada sekarang adalah memadai untuk mengatasi masalah tersebut di mana sekiranya seorang pemandu itu disabitkan dengan kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa memandu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua pula boleh dikenakan denda RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian mempunyai rekod kes pemandu yang ditangkap kerana menggunakan telefon semasa memandu di mahkamah dan dapat dibuktikan bahawa sebenarnya ia memandu dengan menggunakan telefon bimbit dan seterusnya didapati bersalah. Bagaimana sebenarnya dia ditangkap?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya hingga hari ini kes-kes yang telah pun dikesan seperti apa yang dikatakan oleh saya tadi sebanyak 7,994, hampir kesemuanya kes ini telah pun dikompaunkan tanpa pergi ke mahkamah. Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai rekod yang begitu lengkap, iaitu sehingga hari ini berapa banyak kes yang masih pending ataupun belum dibicarakan di mahkamah.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat kecewa dengan keadaan penggunaan telefon bimbit ini, sebab kita dapati ramai yang menggunakan. Kalau kita berhenti hendak mengambil plate numbernya mengambil masa. Jadi, saya hendak bertanya kepada kerajaan adakah kajian dibuat dan berapa buah kereta yang mendapat kemalangan akibat menggunakan telefon bimbit ini, sebelum undang-undang dikuatkuasakan oleh kerajaan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju 100% dengan Ahli Yang Berhormat iaitu kita semua merasa kecewa terhadap pemandu-pemandu yang membawa kereta juga pada masa yang sama menggunakan telefon bimbit.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai rekod seumpama ini, sebab pada masa penguatkuasaan undang-undang ini, kita tidak tahu sama ada punca kemalangan ialah menggunakan telefon bimbit. Pada masa ini jika terdapat kemalangan juga, kecuali kita dapat menangkap dengan secara 'red-handed', dengan izin, atau tangkap ketika melakukan kesalahan, maka selepas kemalangan terjadi pemandu-pemandu datang membuat laporan (report), mereka tidak akan mengaku iaitu kemalangan terjadi semasa ia bercakap dengan menggunakan telefon bimbit. Ini adalah masalah yang dihadapi oleh pihak penguatkuasaan. Walau bagaimanapun sekarang semua anggota penguatkuasa telah diberi arahan untuk menepati arahan yang lebih terperinci iaitu bila terdapat apa-apa kemalangan ataupun apabila kemalangan dilaporkan, penguatkuasa akan menggunakan kebijaksanaan untuk mengesan sama ada kemalangan yang terjadi ini akibat penggunaan telefon bimbit ataupun didapati pemandu kereta mengguna telefon bimbit semasa memandu. Maka anggota penguatkuasa akan lebih berhati-hati untuk mencatat bukan sahaja nombor kereta, tetapi termasuk masa dan pakaian yang dipakai oleh pemandu kereta ketika itu.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan mata-mata gelap khusus untuk mengesan orang yang menggunakan telefon bimbit ini semasa memandu atau insentif untuk mereka yang melaporkan orang-orang yang menggunakan telefon bimbit semasa memandu?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, dari segi mewujudkan pasukan mata-mata gelap, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai cadangan seumpama ini.

Dari segi insentif pula memang sukar bagi kementerian untuk melaksanakan perkara ini sebab kebanyakan kes jika membuat laporan mengenai penggunaan telefon bimbit, jika tidak berhati-hati akan dipertikaikan di mahkamah. Ini akan membawa lebih banyak masalah kepada keadaan sekarang ini.

BUDAYA “PUNK” DAN “SKINHEAD” DI KALANGAN REMAJA - TINDAKAN KEMENTERIAN

9. Tuan Kan Kok Kwan minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengenai dengan budaya “Punk” dan “Skinhead” yang telah menular di kalangan remaja terutama di Kuala Lumpur. Apakah tindakan kementerian untuk menangani pengaruh Budaya “Punk” ini dari menular.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, budaya “Punk” dan “Skinhead” di kalangan remaja terutamanya di Kuala Lumpur tidaklah di peringkat yang kritikal dan membimbangkan. Ianya lebih merupakan satu fesyen yang menjadi ikutan segelintir remaja sahaja.

Usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk membendung budaya ini daripada menular seterusnya ialah melalui pelbagai program dan aktiviti pemupukan nilai. Antaranya termasuklah Program Rakan Muda, Program Bina Sahsiah, Program Jatidiri, Pimpinan Perdana dan Program Khidmat Sosial yang sedang diusahakan. Kementerian juga mengadakan jaringan dan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan, swasta, pertubuhan-pertubuhan belia dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang lain, dengan harapan akan dapat membantu mengurangkan masalah ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya siapakah golongan remaja yang terlibat dengan pengaruh budaya “Punk” dan “Skinhead” ini dan apakah kesan-kesan negatif yang ada kaitan dengan budaya ini?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa takrifan “Skinhead” ini begitu luas. Kadangkala kita nampak di semua tempat termasuk di sini pun ada yang “Skinhead” tetapi secara tertib dan terhormat, maknanya kalau rambut itu sudah pendek, terutamanya mereka yang kembali dari mengerjakan Haji itu, jadi kalau silap-silap takrifan ini pun bolehlah dikatakan “Skinhead’ yang beragama tebal. Jadi, apa yang saya hendak katakan di sini bahawa kita mesti tengok tentang takrifan “Skinhead” ini. Oleh itu, susahlah saya hendak katakan, kalau dia itu remaja, rambutnya pendek atau closely crop, dengan izin, maka mereka dikatakan “Skinhead”, oleh kerana ada mereka yang “Skinhead” rambutnya supaya nampak lebih bersih. Tetapi yang mustahak adalah imej pada keseluruhannya dan nampak tertib setiap masa. Saya rasa apa yang lebih mustahak adalah perbuatan-perbuatan mereka ini, cara mereka hidup dan bukan hanya terletak kepada cara mereka memotong rambut.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana jauh tidak nampak.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berpendapat jika dibiarkan belia-belia atau remaja yang mempunyai budaya “Punk” dan “Skinhead”, budaya ini akan menular kepada kumpulan-kumpulan yang lain. Jadi, adakah kementerian mempunyai apa-apa program yang mana belia-belia yang mengamalkan budaya ini mereka didekatkan dengan kementerian, dengan cara membawa mereka pada kursus-kursus yang tertentu supaya kita mempunyai pemahaman dan juga pemikiran serta dapat membetulkan kalau sekiranya mereka mempunyai sikap dan pemikiran yang tidak betul. Adakah kementerian mempunyai program khusus kepada kumpulan sasaran yang khusus dalam soal ini?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian memang tidak ada satu program atau modul khusus untuk apa yang dinamakan “Punk” dan “Skinhead” yang terdapat di dalam masyarakat kita, tetapi kalau fenomena ini menular dan menjadi kritikal dari segi mana saya kata tadi perlakuan mereka yang lebih mustahak daripada yang lain, kita hendak anak muda kita tertib, berdisiplin, ada kemahiran, hormat orang tua-tua dan kita semua perlu ingat bahawa kita pun pada masa dahulu remaja juga, mungkin fesyen dahulu rambut panjang hingga ke bahu adalah satu fesyen dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri pun mengamalkan fesyen itu pada masa dahulu dan selagi mereka tahu sembahyang, mengenal Tuhan dan lain-lain, saya rasa itu yang lebih mustahak. Tetapi ini tidak bermakna bahawa kita hendak menggalakkan terutamanya budaya “Punk” ataupun “Skinhead”. Saya akan mengambil maklum tentang cadangan Ahli Yang Berhormat dan kita akan berbincang dan kalau perlu mungkin kita akan adakan kursus-kursus bukan hanya untuk “Punk” dan “Skinhead”, tetapi semua remaja yang mempunyai masalah.

TANDAS AWAM DI HOSPITAL/RESTORAN/STESEN MINYAK - LANGKAH MENGATASI KEKOTORAN

10. Tuan M.G. Pandithan minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kerajaan sedar tandas awam di hospital, restoran, stesen minyak dan tempat awam yang lain adalah kotor dan berbau busuk dan ia memburukkan imej negara. Bagaimana kerajaan merancang untuk mengatur program bagi mengatasi masalah tandas awam di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa sedar betapa pentingnya negara memelihara dan menjaga kebersihan tandas-tandas awam terutama di tempat tumpuan ramai seperti hospital-hospital kerajaan dan swasta, restoran, stesen minyak dan tandas awam yang ditempatkan di tempat yang strategik. Walau bagaimanapun, kadang-kadang

tandas-tandas ini didapati kotor apabila ianya tidak diuruskan dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab dan ini akan memberi kesan ketidakselesaan kepada pengguna.

Kementerian Kesihatan juga sedar ini juga akan memberi kesan kepada imej negara. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) merangka strategi bagi memperkukuhkan Program Tandas Sejahtera atau Health Toilet Programme, dengan izin melalui, pendekatan bersepadu;
- (ii) bersama-sama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia akan berusaha untuk menggunakan akta-akta yang tersedia seperti Akta Makanan 1985 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 bagi menjalankan enkuatkuatkuasaan. Selain dari itu tindakan promosi dan pendidikan kepenggunaan tandas-tandas awam juga akan diberi kepada semua lapisan masyarakat melalui risalah, poster, pelekat dan sebagainya supaya kesejahteraan masyarakat diharap dapat ditingkatkan;
- (iii) memberi pendidikan dan latihan kepada penguasa kecil tandas awam bukan setakat menjaga kebersihan tandas, tetapi mereka juga perlu memberi perkhidmatan yang mesra, memelihara kecantikan dan mengekalkan keharuman wangi di tandas yang dapat menyenangkan pelanggan mereka. Mereka juga perlu mengadakan dan mempamerkan Piagam Pelanggan di kawasan perkhidmatan mereka supaya pelanggan mereka mengetahui mereka sentiasa berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik, malah kesedaran juga akan diberi kepada mereka bahawa

mereka juga mempunyai peranan yang penting kerana memelihara dan mengharumkan mertabat negara.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri telah pun mengeluarkan perasaan dan pandangan Yang Amat Berhormat tidak puas hati mengenai tahap kebersihan di negara ini.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, sungguhpun Kementerian Kesihatan mempunyai program-program yang tertentu untuk memperbaiki keadaan ini, tetapi Kementerian Kesihatan mungkin tidak mempunyai pegawai penguatkuasaan untuk menentukan supaya kebersihan ini dapat diambil tindakan oleh semua pihak. Adakah program-program yang diadakan oleh Kementerian Kesihatan adalah program bersepadu dengan agensi-agensi lain ataupun Majlis Perbandaran atau Majlis Tempatan untuk memastikan supaya kebersihan ini ada di dalam pemikiran rakyat dan diambil tindakan sekiranya kebersihan ini tidak diberi perhatian oleh rakyat?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada masalah sebab dua kementerian menjaga tandas-tandas, satu Kementerian Kesihatan dan satu lagi ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tetapi satu keputusan telah diambil oleh kerajaan di mana semua tempat termasuk klinik-klinik kesihatan akan diambil alih oleh Kementerian Kesihatan tidak lama lagi. Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada membincangkan mengenai perkara ini, di mana kita mengambil tindakan bersepadu di dalam hal ini - memang kita ada program.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita bincang hanya kekotoran dalam tandas sahaja tetapi ada pelbagai drawings ataupun local artist masterpiece di tandas-tandas, apakah langkah kerajaan untuk memandang art work or the local artists, dengan izin?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, apa Yang Berhormat katakan itu ialah grafy, kalau kita kata grafy itu. Memang seorang pengguna yang masuk ke dalam

tandas memang dia dapat ilham [*Ketawa*] boleh menulis, kita dapati macam-macam cara dan fikiran mereka menulis. Ini satu kebudayaan di Malaysia yang kita ada, banyak tandas pengguna, bukan tandas-tandas wanita. Saya belum masuk ke tandas wanita tetapi kita dapat tahu tandas-tandas lelaki memang ada banyak. Ini satu masalah dan kita mahu tengok macam mana kita beritahu janganlah buat macam ini.

Hari ini pun dalam *Malay Mail* ada satu tulisan berkenaan “Stinking toilet at Kuala Lumpur” dan grafy semua ada. Ada yang tulis ini jadi satu masalah yang besar.

KUASA TAMBAHAN POLIS KEPADA GURU DISIPLIN - PENYALAHGUNAAN KUASA

11. **Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian telah membuat penelitian serius tentang ura-ura memberi kuasa polis tambahan kepada guru disiplin di sekolah kerana dibimbangi akan menjadikan mereka ini menyalahgunakan kuasa yang ada.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan memastikan para guru disiplin tidak menyalahgunakan kuasa polis yang akan diberikan kepada mereka dalam usaha mengawal masalah disiplin di kalangan pelajar. Untuk tujuan tersebut, beberapa langkah akan dilaksanakan dan di antaranya ialah:

- (i) memberi latihan kepada guru berkenaan tentang batasan bidang kuasa dan pelaksanaannya;
- (ii) menyediakan garis panduan berhubung dengan bidang kuasa itu;
- (iii) mendapatkan pandangan yang menyeluruh daripada pelbagai pihak yang terlibat seperti guru, PIBG dan kesatuan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk memilih seorang guru disiplin menjalankan tugas sebagai guru disiplin, apakah kriteria

yang diambil untuk membolehkan orang ini berkelayakan memegang jawatan sebagai guru disiplin. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang guru disiplin sesebuah sekolah merupakan seorang guru yang berpengalaman, seorang guru yang telah diberi latihan sama ada dalam kursus jangka panjang atau jangka pendek yang berkaitan dengan tajuk ini iaitu bagaimana kita boleh memberi kaunseling dan bagaimana kita boleh mengawal situasi tertentu. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ini, memang kita akan memilih guru-guru yang bertanggungjawab menjadi guru disiplin dan mereka merupakan orang yang kita percaya yang akan menggunakan kuasa itu dengan bijaksana.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, tanggungjawab menjaga disiplin pelajar-pelajar di sekolah adalah tanggungjawab semua guru termasuk ibu bapa. Mengapakah kementerian bercadang hanya hendak memberi kuasa tambahan polis kepada guru disiplin sahaja, tidak kepada semua guru?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan bersetuju bahawa tanggungjawab untuk menjaga disiplin merupakan tanggungjawab kepada semua guru dan ibu bapa termasuklah pelajar mereka sendiri tetapi guru disiplin sebagai seorang yang melambangkan atau mencerminkan tugas itu memanglah kita hendak serahkan kepada guru yang bertanggungjawab itu sedikit kuasa supaya dia boleh menjadi seorang guru contoh kepada guru-guru yang lain bagaimana kita boleh menjaga keadaan disiplin di sekolah. Izinkan saya terangkan di sini juga, sungguhpun guru-guru yang lain itu tidak diberi kuasa seperti itu tetapi mereka juga akan diminta memberi sokongan dan pertolongan kepada guru disiplin itu dalam tugas menjaga disiplin di sekolah.

TABUNG KEWANGAN KHAS -JUMLAH

12. **Dato' Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) sama ada peniaga-peniaga bumiputera diperuntukkan tabung kewangan khas; dan
- (b) jika ada, berapakah jumlah tabung kewangan bagi membantu usahawan-usahawan kecil bumiputera.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, MARA ada menyediakan tabung yang dikhaskan cuma kepada peniaga-peniaga bumiputera. Tabung ini dalam Rancangan Malaysia Ketujuh berjumlah RM90 juta dan boleh diperolehi oleh peniaga-peniaga termasuklah kontraktor dan mereka yang terlibat dengan perniagaan runcit, sektor pembuatan dan lain-lain. Pada tahun lepas iaitu tahun 1996, seramai 1,132 peniaga bumiputera telah meminjam daripada tabung ini dan nilai pinjaman mereka ialah RM34.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kementerian Pembangunan Usahawan di bawah Bank Negara, ada dua tabung yang dikhususkan untuk bumiputera. Satu ialah tabung usahawan baru dengan peruntukan sebanyak RM800 juta, kedua ialah tabung industri bumiputera. Bagi tabung usahawan baru (TUB) peruntukannya RM800 dan telah dimanfaatkan oleh 2,029 usahawan. Bagi tabung industri bumiputera daripada peruntukan RM100 juta, RM56.5 juta telah pun diluluskan kepada 42 orang usahawan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita dimaklumkan bahawa banyak agensi yang terlibat dalam membangunkan usahawan-usahawan pertengahan ini terutama sekali usahawan bumiputera. Apakah program khusus yang dirancang oleh pihak kerajaan secara bersepadu dengan agensi-agensi lain dalam usaha hendak mewujudkan usahawan-usahawan pertengahan

bumiputera ini. Setakat ini apakah kriteria-kriteria yang ditentukan, sejauh manakah kejayaan usahawan-usahawan yang dapat diwujudkan?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program termasuklah Dasar Ekonomi Baru untuk membangunkan usahawan bumiputera dan juga untuk menambahkan pendapatan bumiputera. Dasar ini telah berjaya menambah pendapatan bumiputera tetapi kerajaan kurang puas hati dengan bilangan bumiputera di peringkat pertengahan termasuklah usahawan menengah bumiputera. Oleh hal yang demikian, dua bulan yang lalu, kerajaan telah memperkenalkan satu program baru iaitu program untuk menambahkan bilangan bumiputera dalam golongan pertengahan. Program ini baru diperkenalkan dan beberapa mesyuarat telah pun diadakan dalam kerajaan untuk menyelaraskan program-program. Seperti kata Yang Berhormat tadi, beberapa kementerian dan agensi terlibat dalam menjayakan program ini. Jadi, tujuan utama mengadakan perbincangan dengan kerajaan ialah untuk meningkatkan keberkesanan program ini dan kita menjangka dalam masa sebulan program-program ini akan dapat kita selaraskan dengan lebih tersusun.

Secara umumnya pendekatan yang diambil ialah pendekatan jangka pendek dan jangka panjang. Dalam jangka panjang, yang penting ialah pendidikan, latihan kemahiran, pendedahan, kursus dan sebagainya. Ini program jangka panjang. Dalam jangka pendek, yang perlu kita laksanakan ialah crash programme, dengan izin, program-program berbentuk jangka pendek untuk melahirkan seramai yang mungkin golongan menengah bumiputera. Golongan menengah ini bukan sahaja usahawan termasuk juga golongan profesional dan juga mereka yang bekerja dengan kerajaan dan lain-lain. Jadi, usahawan merupakan satu komponen penting dalam golongan menengah, jadi ada pendekatan

jangka pendek dan pendekatan jangka panjang. Dalam jangka masa sebulan kita menjangka kesemua usaha-usaha ini akan dapat kita selaraskan.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu peminjam-peminjam adakah hendak menyediakan penjamin, berapa orang penjamin yang mesti disediakan ataupun cagaran yang dikenakan kepada mereka? Masalah yang timbul kadang-kadang itu peminjam-peminjam ini kalau hendak mencari penjamin sulit kerana tidak ada orang yang hendak menjamin, takut kalau tidak bayar, apakah nanti hukuman kepada peminjam yang tidak membayarnya? Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam program-program pinjaman yang dilaksanakan oleh kerajaan ataupun oleh bank, keperluan penjamin ini penting. Kalau tidak ada penjamin memang sukar untuk kerajaan ataupun pihak institusi kewangan untuk mendapat balik wang jika ada masalah. Inilah antara sebabnya kenapa penjamin diperlukan. Dalam kes MARA, dua orang penjamin diperlukan, biasanya penjamin tidaklah sukar untuk diperolehi dan jika tidak ada penjamin memanglah tidak boleh diluluskan pinjaman. Ini syarat yang perlu dipenuhi. Ada satu, dua bentuk pinjaman di mana penjamin tidak diperlukan tetapi secara umumnya kebanyakan pinjaman memerlukan penjamin. Kalau tidak dibayar balik pinjaman, maka tindakan boleh diambil terhadap penjamin yang telah menjamin pinjaman yang diambil oleh usahawan berkenaan. Itu kenapa perlunya ada penjamin. Sekiranya ada masalah, maka pihak institusi kewangan ataupun MARA ataupun pihak lain dapat berhubung dengan penjamin untuk memastikan hutang itu dapat dibayar balik.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.13 hingga 30 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.”” [15hb. Mei, 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, sila sambung jawapan.

3.42 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali dapat ringkaskan sedikit hari ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak dah. Lama dah hari Khamis lepas.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambung perbahasan saya pada hari ini, saya ingin beralih kepada soal pembangunan teknologi. Kita sedia maklum bahawa sebuah negara yang sedang membangun dan apabila negara itu berhasrat untuk meneruskan pembangunannya supaya pembangunannya sustainable, dengan izin, maka sudah tentu kerajaan perlu memberi perhatian kepada pembangunan teknologi dan di dalam pembangunan teknologi ini, kita perlu melihat kepada penggunaan teknologi yang diimport dan juga pembangunan teknologi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mula memperkenalkan Koridor Raya Multimedia ataupun MSC, dengan izin, dan kita baru sahaja melihat melalui kaca TV pelancaran bandaraya siber yang mana kita lihat perkembangan ini sudah tentu akan memberi suatu dorongan dan juga sokongan yang kuat di dalam usaha membangunkan negara kita.

Apa yang ingin saya sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya pembangunan Siberjaya ini dan juga universiti multimedia ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk di luar bandar dan ke arah ini, sudah tentu Kementerian Pendidikan mempunyai peranan yang penting supaya sekolah-sekolah di luar bandar ini sekurang-kurangnya mempunyai kemudahan-kemudahan seperti elektrik dan juga komputer. Sekarang ini, kalau kita buat kajian masih terdapat sekolah-sekolah di luar bandar yang masih di dalam keadaan yang daif. Jadi, oleh yang demikian, kita menyokong usaha kerajaan untuk mewujudkan suatu bandaraya multimedia ataupun cybercity dan juga projek MSC ini adalah penting dan kita tahu apabila bandar ini diwujudkan nanti, ianya tidak mempunyai sempadan dan kerajaan pun yang dikenali sebagai kerajaan digital dan sudah tentu benda ini kita tidak boleh elak. Ianya kalau kita tidak mahu mengambil tahu, ia pasti akan berlaku.

Begitu juga dalam bidang telekomunikasi. Kerajaan akan menggubal pelan induk telekomunikasi di mana kerajaan akan menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi rantau Asia Pasifik dan dunia kelak yang mana sekarang ini pun ada pendaki-pendaki Gunung Everest apabila mereka sedang mencuba hendak sampai ke puncak, kita dengar berita-berita melalui telekomunikasi dan inilah satu perkembangan yang di zaman sekarang ini perlu kepada pengetahuan umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan sistem pengangkutan di negara kita ini. Sistem pengangkutan di negara kita ini sudah mencapai ke satu tahap yang amat memuaskan, cumanya masalah yang perlu diberi perhatian ialah tentang jalan-jalan pilihan yang boleh digunakan oleh orang-orang awam. Kita baru sahaja mendengar daripada Menteri Kerja Raya yang menyebut kemungkinan kerajaan terpaksa mengenakan tol kepada semua jalan Persekutuan dan kita mendengar banyak bantahan terhadap cadangan ini.

Baru-baru ini di Teluk Intan suatu perkara yang mengejutkan berlaku. Ini adalah satu ingatan kepada kerajaan bahawa rakyat sekarang sudah mempunyai pemikiran yang amat sensitif sekali. Kalau signal ini tidak mahu diberi perhatian, saya nampak kemungkinan apabila kita mencapai satu tahap pembangunan tetapi akhirnya rakyat akan membuat pilihan yang salah, iaitu akan menyokong kepada parti pembangkang. Inilah yang disebutkan tadi dalam keghairahan kerajaan hendak mengadakan pembangunan, kerajaan harus memikirkan kepentingan rakyat.

Saya percaya keputusan pilihan raya di Teluk Intan itu adalah suatu mesej yang perlu diberi perhatian. Pada pilihan raya yang lepas Barisan Nasional memenangi dengan majoriti 13,000 undi lebih pada hal bila pilihan raya kecil seperti ini kita kalah dengan majoriti hampir-hampir 3,000 undi DAP dapat. Ini suatu perkara yang sangat menghairankan. Kita tidak tahu dan kerajaan perlu membuat satu post-mortem menyelidik dan mengkaji. Saya rasa bukan masalah hendak kenakan tol sahaja, tetapi masalah tarif elektrik pun sedikit sebanyak memberi kesan sebab rakyat yang berpendapatan sederhana sudah menyedari tekanan kepada mereka.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula cadangan hendak mengadakan lorong-lorong untuk motosikal. Sepertimana yang menteri menjawab

dahulu, kerajaan tidak sanggup untuk hendak membelanja banyak mengadakan lorong-lorong untuk motosikal sedangkan pada masa ini kita dapati lorong-lorong untuk motosikal dan juga pengguna-pengguna jentera lori-lori yang berat ini perlu. Kalau ini dapat dibuat, sudah tentu masalah kesesakan di lebu-lebu raya ini dapat dielakkan dan keadaan keselamatan jalan raya akan lebih terjamin lagi. Begitu juga dengan kereta api laju dan sebagainya, kerajaan hendaklah memperluaskan khidmat kereta api laju ini, bukan sahaja daripada bandar-bandar besar, daripada Kuala Lumpur ke Singapura, ke Pulau Pinang dan Bukit Kayu Hitam, tetapi kerajaan juga hendaklah memperluaskan perkhidmatan kereta api laju ini ke seluruh pelosok negara, termasuk Sabah dan juga Sarawak.

Berkenaan dengan kemudahan bekalan air dan juga gangguan-gangguan sementara, kita pernah berkali-kali mendengar apabila jalan-jalan dibaiki ataupun pemasangan Telekom ataupun Tenaga Nasional memperbaiki kerosakan, kita dapati banyak menyebabkan gangguan lalu lintas dan dalam masa yang sama, banyak memberi kesusahan dan kesulitan kepada rakyat. Misalannya, Bahagian Bekalan Air kadang-kadang mereka tidak memikirkan suatu langkah supaya usaha-usaha memperbaiki kerosakan ataupun mengganti paip dan sebagainya, kerajaan hendaklah mengadakan perkhidmatan pilihan, mereka hendaklah merancang di satu-satu area kalau sekiranya bekalan ini akan terganggu hampir separuh hari ataupun sehari, mereka hendaklah mengadakan tempat-tempat di mana JKR dapat menyediakan lori-lori tangki bekalan-bekalan air yang boleh didapati oleh orang yang tidak sempat hendak simpan air.

Ini kita dapati apabila berlaku sahaja gangguan bekalan air, maka sudah tentu TV pun akan menunjukkan orang ramai, menimbulkan masalah dan kesulitan. Kata mereka, kadang-kadang pihak kerajaan tidak memberi notis dahulu. Kerajaan memberi notis yang

pendek, selepas itu terus menjalankan kerja. Ini memberikan kesulitan sedangkan kita tahu rakyat membayar untuk perkhidmatan air dan juga elektrik, bukan rakyat mendapat percuma. Oleh sebab itu, sudah sampai masanya apabila kerajaan merancang hendak membuat pembaikan dan sebagainya, apa-apa pembangunan lain yang boleh memberi gangguan kepada bekalan air, elektrik dan sebagainya, kerajaan hendaklah menyediakan perkhidmatan pilihan yang buat sementara waktu sementara perkhidmatan itu dapat dipulihkan semula.

Berhubung dengan kesihatan awam dan juga swasta, kita dapati kerajaan telah sampai ke satu tahap hendak mengadakan telesihat dan sebagainya dengan perkembangan teknologi maklumat ini. Ini adalah satu perkembangan yang amat baik sekali, tetapi apa yang saya hendak sebutkan sekarang ini ialah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan di hospital-hospital, di klinik-klinik swasta, baik di luar bandar ataupun di dalam bandar, kerajaan hendaklah memberi perhatian kepada penduduk-penduduk yang kurang mampu. Kalau boleh, kerajaan cuba cari jalan supaya rakyat biasa ini mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Sekarang ini orang-orang yang mampu sahaja yang boleh dapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, tetapi rakyat biasa hanya mendapat perkhidmatan di hospital-hospital biasa, di klinik-klinik biasa yang memberi ubat-ubat yang kadang-kadang tidak meyakinkan dan mereka terpaksa menunggu begitu lama sebelum mendapat rawatan.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perumahan kos rendah. Perumahan ini akan menjadi masalah berterusan. Selagi ada rakyat dan selagi negara itu membangun, maka masalah perumahan ini menjadi satu keperluan yang perlu dilihat dan diberi perhatian oleh kerajaan. Kalau sekiranya kerajaan boleh membenarkan syarikat-syarikat swasta membina banyak padang golf, saya tidak nampak mengapa kerajaan tidak

boleh menyediakan kawasan-kawasan yang sesuai, yang cukup untuk memberi kemudahan perumahan awam kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan kos rendah ini pun kadang-kadang kita perlu melihat kepada rumah-rumah kos rendah yang ada sekarang ini. Sudah sampai masanya kerajaan perlu memikir semula apa yang perlu dibuat. Kadang-kadang rumah kos rendah yang ada sekarang ini, sama ada dari segi struktur fizikalnya ataupun tempat yang ianya dibina, perlu dikaji semula dan kadang-kadang kerajaan perlu merobohkan rumah-rumah ini dan membina semula rumah-rumah yang lebih sesuai mengikut keadaan masa sekarang ini. Kita tidak tahu sama ada tugas ini diletakkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun kepada majlis-majlis tempatan.

Begitu juga dalam masalah agihan rumah-rumah kos rendah ini, kerajaan perlu meningkatkan pendapatan. Kalau dahulu kerajaan tetapkan pendapatan orang-orang yang berhak mendapat rumah kos rendah ini kepada orang yang pendapatannya RM1,000, maka sekarang sudah sampai masanya kerajaan meningkatkan pendapatan itu kepada RM1,500 ataupun RM2,000 yang berhak memohon rumah-rumah kos rendah. Kita perlu ubah suaikan had-had ini mengikut dari masa ke semasa.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan ini adalah suatu pelaburan yang sangat penting, sama ada bagi jangka masa pendek dan juga bagi jangka masa panjang. Kita telah mendengar beberapa pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan berhubung dengan sistem pendidikan negara kita yang mana akhir-akhir sekali pendidikan kita ini akan menjadi pendidikan bertaraf dunia, kemudian akan wujud sekolah bistari, akan wujud pelajar bijak, pelajar cerdas dan sebagainya dan kita juga dalam masa yang sama akan membenarkan pelbagai institusi pengajian tinggi akan diwujudkan di negara kita. Dalam keghairahan kita

menjadikan negara kita ini sebagai negara ilmu, pusat perkembangan ilmu, kita harus melihat ke arah manakah yang kita hendak pergi kepada matlamat pendidikan negara. Sebab kalau kita benarkan terlalu banyak pusat-pusat pengajian tinggi dan universiti-universiti, sama ada diusahakan oleh pihak swasta secara berkembar ataupun pengusaha-pengusaha tempatan, kalau sekiranya kurikulum dan juga majlis yang akan menentukan sistem pendidikan negara ini tidak dapat mengambil tindakan secara berkesan, tidak dapat mengawasi perjalanan pusat-pusat pengajian tinggi ini, saya bimbang akhir-akhirnya ia akan membawa suatu masalah lain, masalah yang boleh mengancam keselamatan negara.

Sekarang ini keghairahan pihak-pihak tertentu termasuk badan-badan politik untuk memohon menubuhkan universiti-universiti dan kita tengok banyak sangat universiti dan apabila universiti-universiti ini lahir nanti, sudah tentulah pengawasan dan pengawalan terhadap perjalanan universiti-universiti ini akan menjadi lebih rumit di mana akhirnya soal-soal semangat kebangsaan, tumpuan kepada semangat kesetiaan kepada negara tidak dapat diberi perhatian lagi.

Dalam keghairahan ini saya juga ingin menyebut apabila institusi pengajian tinggi, termasuk universiti-universiti diswastakan kelak, maka sudah tentulah peluang-peluang kepada pelajar-pelajar miskin terutama di kawasan luar bandar, tidak kira sama ada daripada orang Melayu, orang Cina, orang India dan daripada kaum-kaum lain yang memang mampu dan layak boleh memasuki ini, sudah tentu memerlukan bantuan kewangan yang banyak. Kita ucap terima kasih kepada pihak MARA yang mana MARA telah mengumumkan baru-baru ini semua pelajar yang miskin, yang kurang mampu, yang boleh dipilih, ditawarkan untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi ini akan diberi bayaran pendahuluan sebanyak RM1,000. Kita berharap bukan sahaja bayaran pendahuluan RM1,000 itu sahaja, pihak MARA dan juga pihak institusi lain akan

memberi biasiswa, sama ada dalam bentuk secara pinjaman ataupun secara biasiswa yang apabila pelajar-pelajar itu lulus dengan cemerlang, maka pinjaman itu akan dianggap sebagai biasiswa patut dipanjangkan dengan tidak payah pelajar-pelajar ini dan ibu bapa mereka berusaha pergi cuba mendapatkan tajaan dan sebagainya. Kita berharap proses memberi peluang kepada penuntut-penuntut kita untuk meneruskan pendidikan ke pusat-pusat pengajian tinggi ini tidak akan terhalang.

Saya ingin juga menyentuh di sini di mana akhir-akhir ini kita dapati banyak pelajar yang terlibat dengan gejala-gejala sosial negatif diambil tindakan dan sekali gus mereka ini disekat daripada peluang untuk terus mendapatkan pendidikan. Ini perlu dilihat semula. Kita memang akur dan akui tiap-tiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar ini mestilah ditangani secara undang-undang dan hukuman, tetapi apakah kita perlu memberhentikan peluang mereka ini untuk terus mendapat pelajaran? Ini yang perlu difikirkan. Misalannya ada pelajar-pelajar yang terpaksa akan menduduki peperiksaan, tetapi terlibat dengan masalah disiplin, terpaksa diambil tindakan dan sekali gus pelajar-pelajar ini mungkin tidak berpeluang mengambil peperiksaan itu dan ini sudah tentulah menghalang pelajar-pelajar ini untuk terus mendapat pendidikan. Kerajaan perlu melihat semula bagaimana cara pelajar-pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin, masalah gejala sosial ini, diambil tindakan dari segi kesalahan itu sahaja sedangkan penerusan untuk mendapat pendidikan ini masih lagi diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan penerapan nilai-nilai Islam. Kita dapati akhir-akhir ini walaupun kita tidak membuka sekolah untuk pelajar-pelajar terlibat dengan masalah gejala sosial, saya pernah dengar dalam Forum Perdana penceramah-penceramah menyebut tiap-tiap sekolah ataupun institusi-institusi lain tidak ada langsung kita mengajar pelajar-pelajar supaya buat khalwat, kita tidak ada kelas untuk menganjurkan pelajar-pelajar ini supaya melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan tata susila agama. Tetapi sekarang ini mengikut peratusannya, lebih

ramai pelajar-pelajar terutama sekali orang-orang Melayu yang beragama Islam yang terlibat dengan masalah gejala sosial.

Fenomena ini perlu diberi perhatian, perlu dibuat kajian apa sebabnya? Sama ada macam saya sebut tadi, kita gagal di dalam sistem pendidikan kita, sama ada penerapan nilai-nilai Islam ini tidak berlaku secara yang lebih berkesan lagi sebab kita dapati masalah-masalah yang berkait dengan agama ini masih lagi diletak di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing. Kita tahu masalah agama ini pada satu masa dahulu penjajah telah membuatkan kita supaya soal agama ini diletakkan di bawah raja masing-masing dan kalau negeri itu tidak ada raja, di bawah Yang di-Pertua Negeri ataupun di bawah Agong secara terus. Ini sudah tentulah kalau hal ini tidak dilihat sama ada itu yang menyebabkan masalah penghayatan pemahaman dari segi Islam itu tidak dapat dikembangkan secara yang lebih berkesan, maka kerajaan perlu melihat semula supaya pentadbiran yang bersangkutan dengan urusan hal-hal yang berkaitan dengan Islam ini disusun semula.

Sekarang ini kita bersyukur kerana di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri terdapat satu jabatan Unit Hal Ehwal Agama Islam yang mana telah diwujudkan beberapa unit-unit lain yang bertanggungjawab di dalam usaha mengembangkan agama Islam. Kita juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana kerajaan telah menyokong penuh usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam dan kita tidak mendapat tentangan daripada penduduk-penduduk Malaysia yang beragama lain daripada agama Islam, kerana semakin lama semakin mereka sendiri memahami agama Islam itu sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan khidmat awam. Sudah tentu semakin lama khidmat awam ini menjadi semakin penting. Tetapi dalam masa yang sama bila kita masukkan era teknologi maklumat, sudah tentu harapan rakyat untuk mendapat perkhidmatan yang lebih efisien, lebih cekap dan lebih berkesan lagi. Sekarang ini kerajaan perlu mengadakan suatu penyiasatan penyelidikan sejauh manakah pegawai-pegawai di jabatan kerajaan ini menggunakan kemudahan yang ada di

jabatan masing-masing. Kita tahu banyak jabatan sudah mempunyai kemudahan-kemudahan komputer dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama kita dapati masih banyak lagi fail yang bergerak secara manual dan banyak kerja yang tertangguh.

Oleh sebab yang demikian, efficiency ataupun perkhidmatan yang bersih, cekap dan amanah yang diharapkan oleh rakyat di pihak sektor awam ini perlu diberi perhatian. Kita dapati masih ada bidang-bidang yang perlu diberi perhatian dan perlu dibaiki dan perlu ditingkatkan. Saya tidak payahlah menyebut kementerian-kementerian, jabatan-jabatan yang terlibat, terutama sekali bahagian-bahagian yang terlibat dengan kaunter-kaunter yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan pembangunan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyakkah lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh lagi, kerana saya hendak beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain sama bercakap.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kalau itu kehendak Tuan Yang di-Pertua, maka saya akan cuba pendekkan. Memang saya hendak bercakap, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua kata hendak beri peluang kepada orang lain, tidak mengapalah, saya akan cuba pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita ada esok satu hari lagi, Yang Berhormat. Pendekkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan pendekkan. Saya akan sentuh sedikit berkenaan dengan pembangunan belia dan juga generasi muda. Kita mempunyai agensi yang cukup banyak yang terlibat dengan aktiviti yang bersangkutan dengan belia dan juga generasi muda ini. Kementerian Belia dan

Sukan sendiri, badan-badan sukan dan sebagainya, di pihak sekolah dan pihak MARA sendiri ada mewujudkan Institut Kemahiran MARA dan sebagainya. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap usaha-usaha yang dibuat ini janganlah sekadar mengadakan program dan menghabiskan wang sahaja, tetapi program-program ini hendaklah dilihat yang akan memberi manfaat kepada belia-belia itu sendiri.

Misalannya, akhir-akhir ini kita dengar masalah yang timbul di antara Persatuan Badminton Malaysia dengan Nusa Mahsuri. Kita tahu kerajaan telah membelanjakan wang yang begitu banyak dalam hendak membangunkan sukan negara kita. Tetapi kepentingan-kepentingan politik telah mula masuk di dalam bidang sukan ini, dan priority ke arah profesionalisme dalam bidang sukan itu sendiri nampak semakin tersisih. Jadi, sebab itulah kita lihat sekarang ini orang-orang yang betul-betul berminat, yang memang pun sudah terbukti keahliannya dalam bidang-bidang sukan ini kadang-kadang menjadi korban akibat daripada politicking yang berlaku di dalam badan-badan sukan ini.

Misalannya, Rashid Sidek telah terlepas beberapa peluang daripada menyertai kejohanan di peringkat antarabangsa. Kita harap pihak Persatuan Badminton Malaysia tidaklah menjadikan satu halangan kepada mana-mana pihak yang mahu bekerjasama. Kita tahu Nusa Mahsuri sudahpun mengikut syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan, dan kita rasa sedih sekali apabila Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri masuk campur, masalah itu masih tidak dapat selesai. Kita tidak tahulah sama ada Menteri Belia dan Sukan tidak berkuasa, tetapi Persatuan Badminton Malaysia itu lebih atas, lebih berkuasa daripada Menteri Belia dan Sukan. Ini harus dilihat secara positif.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang ada banyak lagi, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua minta saya berhenti, saya hendak beri peluang kepada orang lain. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada

saya turut membahas. Dengan kata-kata itu saya menyokong usul untuk mengucapkan syukur atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Rahaiah binti Baهران.

4.07 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bagi menyokong satu usul bagi mengucapkan syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen yang Kesembilan pada 24hb. Mac, 1997 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin buat penelitian bahawa sudah hampir lima tahun saya duduk di Dewan yang mulia ini, baru hari ini saya dapat melihat seorang wanita bersama dengan rombongan Tuan Yang di-Pertua, masuk ke Dewan apabila persidangan bermula pada hari ini. Syabas kepada wanita tersebut, terima kasih kepada yang bertanggungjawab. Ini adalah satu petanda yang baik, kerana pasti akan ada seorang wanita duduk di kerusi Tuan Yang di-Pertua di masa hadapan.

Di masa yang sama saya ingin mengemukakan beberapa perkara dalam Dewan yang mulia ini. Dalam bidang pendidikan, kerajaan sedang mengambil langkah meningkatkan mutu pendidikan dan seterusnya mengkaji semula beberapa dasar yang lalu. Di antara perkara yang dikaji adalah perkara yang bersabit dengan cadangan pemansuhan pusat-pusat asasi dan matrikulasi di pusat-pusat pengajian tinggi. Di dalam keghairahan untuk mengkorporatkan ataupun menswastakan institusi pengajian tinggi supaya lebih dinamik serta dapat mengoptimumkan segala kemudahan dan sumber yang dimiliki, janganlah mudah kita lupa akan hasrat dan sebab-sebab pusat-pusat asasi dan matrikulasi ini ditubuhkan dahulu.

Pada pandangan saya, pusat-pusat inilah yang telah berjaya mengatasi masalah kekurangan jurutera-jurutera, doktor-doktor dan insentif ahli-ahli sains yang kini telah pun memberi perkhidmatan kepada masyarakat seluruhnya. Kalaulah kita tanya doktor-doktor yang bertugas di merata tempat di mana mereka mendapat kesempatan untuk menjadi doktor, sudah pasti jawabnya daripada pusat-pusat asasi dan matrikulasi tadi. Saya percaya doktor yang bertugas di Klinik Parlimen ini pun adalah hasil daripada program pusat asasi dan matrikulasi. Di masa yang sama, doktor-doktor yang kini telah pun dan akan menjadi doktor pakar sedang berlatih menjadi doktor pakar adalah juga hasil graduan-graduan pusat-pusat asasi dan matrikulasi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting jika dibuat kajian hampir seluruh daripada mereka tadi adalah anak-anak petani, anak-anak pegawai rendah kerajaan dan orang-orang awam yang tidak mempunyai cukup prasarana di rumah bagi membolehkan mereka berjaya. Kalau ikut tradisi, kalau ayahnya seorang doktor, pastilah bahawa anaknya akan menjadi doktor juga, dan jika ayahnya seorang penoreh getah, maka pasti anaknya adalah juga akan menjadi penoreh getah, dan naik taraf sedikit jadi penoreh getah kepada kebun getah orang lain. Kerana melalui dasar yang lalu kerajaan telah berjaya memecah tradisi ini. Melalui peluang-peluang mereka mendapat tempat di pusat-pusat asasi dan matrikulasi tadi bahawa nyatalah di sini melalui dasar pendidikan ini kita berjaya mendekatkan perbezaan antara yang miskin di luar bandar dengan yang kaya di bandar.

Saya minta kementerian mengkaji perkara ini sedalam-dalamnya, kerana apa yang saya sebutkan tadi adalah apa yang saya lihat dan nampak, dan saya percaya pihak kementerian lebih banyak melihat maklumat dalam hal ini. Bagi kita, kita harus memikirkan ilmu dari pengalaman pusat-pusat asasi dan matrikulasi ini dengan

memperkuat lagi dan melebarkan lagi bidang pendidikannya bukan sahaja menumpu kepada mata pelajaran sains, gunakanlah strategi ini bagi memperbanyakkan lagi graduan-graduan di dalam bidang-bidang lain yang masih kurang di negara kita sekarang.

Saya harap kementerian mengambil berat atas hal ini dan mengambil pendapat-pendapat daripada pakar-pakar dalam bidang ini yang kini masih berkhidmat di pusat-pusat pengajian tinggi mahu pun yang telah bersara, terutamanya mereka yang telah mencetuskan idea ini yang ternyata sudah berjaya. Bagi saya, janganlah kerana begitu asyik dan ghairah untuk mengoptimumkan kemudahan dan memasuki syarat pengkorporatan, kita gadaikan apa yang kita punyai dan kita sembelih ayam yang menelurkan telur emas.

Bagi Kementerian Pendidikan juga, saya ingin menarik perhatian di atas masalah sosial dan keruntuhan moral di kalangan para pelajar dan peka di atas pelbagai cara yang dijalankan bagi mengatasi perkara ini. Pada pandangan saya, salah satu cara yang berkesan bagi menangani masalah ini adalah dengan menggabungkan pihak sekolah dan ibu bapa pelajar itu sendiri. Institusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) adalah satu-satunya badan yang paling hampir dengan pelajar-pelajar dan ibu bapa dapat mempengaruhi pelajar dalam segala tindakan tanduk mereka. Saya amat tertarik di televisyen semalam, pukul 11.00 di TV3, apabila diberi wawancara kepada guru-guru untuk mengatasi masalah ini di sekolah, guru-guru menyatakan bahawa tidak perlu panggil polis, tetapi beritahu ibu bapa. Tetapi apabila wawancara ibu bapa dikatakan bahawa baik untuk dipanggil polis. Nampaklah ini ada satu pendekatan yang mana ibu bapa di sini tidak begitu bertanggungjawab di atas soal anaknya. Jadi, itulah sebabnya saya kata biarlah dibawa PIBG ini di dalam menyelesaikan masalah ini.

Saya percaya Kementerian dapat mencari jalan supaya institusi PIBG ini diajak berfikir dan bertindak sebagai badan yang sedia ada yang peka dan sentiasa serius dalam mengemukakan pelajar-pelajar daripada diresapi dengan gejala-gejala negatif, bukan sahaja keruntuhan moral, dadah dan lain-lain tetapi juga dengan pendedahan perkara-perkara baru seperti teknologi maklumat ataupun IT yang akan datang dengan Internet dan lain-lain lagi melalui media komputer. Saya percaya kerjasama sekolah dan pihak PIBG, kelemahan sosial dapat diatasi dan cabaran zaman maklumat dapat ditangani kerana kita sedar bahawa kesan sampingan bagi era teknologi maklumat akan banyak merubahkan cara berfikir dan cara bertindak pelajar-pelajar. Dipercayai jika PIBG boleh mengumpul wang bagi satu projek sekolah dengan berjaya, tiada apa sebabnya mengapa jika diberi peluang dan diajak, maka PIBG sekolah tidak boleh berjaya bagi mengatasi masalah anak-anak mereka dan juga menjadi pelajar di sekolah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik di atas pengumuman Yang Berhormat Menteri Pendidikan semalam yang dikeluarkan di dalam akhbar pada hari ini, di mana Kementerian akan memperkenalkan satu sistem yang mana murid-murid dinilai mengikut kemampuan mereka. Ini amatlah ke hadapan, saya berbangga bahawa Malaysia kini mampu untuk berbuat demikian. Di sini saya ingin memberi sedikit pandangan kerana saya duduk di luar bandar dan hari-hari melihat di atas infrastruktur sekolah-sekolah di tempat saya dan saya kira lebih kurang sama di sekolah-sekolah di kampung-kampung yang lain. Apakah di atas kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah tersebut akan memberi kesan yang buruk kerana sudah tentu murid-murid di luar bandar sejak di bangku sekolah rendah lagi telah, dengan izin, mendapat handicap. Mereka tidak upaya untuk 'leap frogging' atau melompat dengan rakan-rakan mereka yang cukup dan lengkap infrastruktur dan kemudahannya.

Di dalam merubahkan sistem, minta diberi perhatian kepada kesan keseluruhannya. Saya mengharapkan bahawa Kementerian Pendidikan menyedari hakikat bahawa kita perlu bawa penuntut-penuntut berlari dan melompat bersama-sama dengan perubahan tetapi minta pastikan bahawa garis permulaannya biarlah sama dan halangan juga biarlah jangan banyak perbezaannya.

Apabila kita sebut perubahan yang bakal datang kita akan terlihat atau terbaca bahawa IT atau Teknologi Maklumat dan seterusnya pembangunan Projek Koridor Raya Multimedia dan gagasan besar yang sedang berjalan. Bagi Kementerian Pendidikan yang mempunyai rangkaian sekolah-sekolah di tanah air pasti dapat memberi angka akan sekolah-sekolah yang mempunyai komputer-komputer yang boleh dipakai iaitu dipegang dan digunakan oleh murid-murid sekolah tersebut bukan ditonton, ya Tuan Yang di-Pertua. Sekolah-sekolah yang tidak punya komputer kalau adapun tidak dapat diguna pakai oleh mana-mana murid, jauh sekali daripada dapat diguna pakai oleh semua murid di sekolah-sekolah tersebut.

Di dapati juga ada sekolah yang punya bilik komputer tetapi tidak punya komputer dan banyak sekolah ada 1 komputer yang digunakan oleh pihak pengurusan sekolah sahaja. Apakah persediaan Kementerian bagi menentukan bahawa semua sekolah di seluruh negara dapat bersama-sama dengan kemajuan yang dibangunkan oleh kerajaan di dalam IT ini? Apakah kementerian telah bersedia juga dengan tenaga pengajar yang cukup supaya pelajar-pelajar dapat memanfaati daripada arah kemajuan ini supaya tidak nanti berlaku dengan izin berlaku 'Information overload' dan 'knowledge underload'?

Oleh itu pastikan bahawa pelajar-pelajar kita yang nyata yang akan dipinggirkan nanti adalah sekolah-sekolah luar bandar diberi cukup pengetahuan supaya apabila mereka dalam sekolah dan apabila mereka meninggalkan sekolah nanti dapat cukup

pengetahuan bagi menggunakan maklumat-maklumat yang terkini yang mudah diperolehi di dalam dunia yang sudah tiada sempadannya lagi (borderless world). Kita sedar ini adalah satu cabaran yang besar bagi Kementerian Pendidikan dan oleh kerana perubahan pasti berlaku maka perlulah kita sediakan pelajar-pelajar ini untuk bersama-sama di dalam perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, minggu yang lalu Kementerian Pendidikan memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada maklumat jumlah pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Singapura. Pada hemat saya kementerian dalam negara yang begitu maju haruslah memikirkan cara mengumpul maklumat tersebut supaya sesuatu dapat kita lakukan bagi tidak menggalakkan mana-mana warganegara yang ingin menuntut di sana lebih-lebih lagi jika negara kita mempunyai kemudahan pendidikan yang sama. Kita akan mengamalkan teknologi maklumat ini maka tidak mustahil kerajaan dapat mengumpul maklumat tersebut. Dan jika didapati bahawa jumlah itu sudah melebihi paras bahaya sesuatu harus dilakukan supaya gejala ini dapat dibanteras dengan lebih awal kerana kementerian lebih arif daripada saya di atas dasar pendidikan di Singapura yang kadang kala bertentangan dengan dasar pendidikan di Malaysia. Adakah kita mahu melepaskan tangan dalam hal ini 'prevention is better than cure'. Itu adalah kesan jangka panjang dan kesan jangka pendeknya adalah pengaliran wang kita ke negara asing, ini akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, di masa yang sama kita berharap supaya Kementerian Tenaga Telekom dan Pos dapat menentukan supaya perkhidmatan penghantaran mereka sejajar dengan bukan sahaja tuntutan Koridor Raya Multimedia tetapi kemudahan ini juga harus diberi kepada semua tempat di seluruh negara supaya projek pembangunan ini dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu hasrat kerajaan bagi menggubal pelan

induk telekomunikasi amat sesuai dengan masa. Diharap pengubalan pelan ini berjalan seiring atau simultaneously dengan pelaksanaan bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan juga hasrat kerajaan bagi mengkaji semula Dasar Pertanian Negara. Sudah sampai masanya dasar yang ada dikaji dan digubal. Sudah banyak kongres dan seminar-seminar yang diadakan di semua peringkat, daripada daerah hingga ke kebangsaan dan bahan-bahan dan maklumat-maklumat telah pun kita dapat. Pada hari ini saya ingin menarik perhatian kementerian terhadap kesungguhan kerajaan dalam mengubah keadaan kependudukan atau population di luar bandar supaya kembali semarak. Sekarang kampung-kampung hanya hidup di masa Hari Raya ataupun cuti perayaan dan tanah-tanah terus terbiar, sawah tidak dibajak, getah tidak ditoreh dan pokok-pokok buah-buahan pun banyak yang tidak diurus dengan sempurna.

Minta disusunkan satu persatu peranan agensi-agensi pertanian supaya lebih berkesan. Bukan sahaja lebih berkesan tetapi cepat berjalan. Agensi-agensi seperti FAMA, LPP dan lain-lain seharusnya dikaji semula dan digerakkan lebih pantas, supaya petani-petani diberi bantuan dan galakan, supaya dapat menarik petani-petani muda berusaha dan sudah tentu tenaga muda akan menjadi lebih produktif dan dapat hasil nilai tambah yang tinggi.

Sebagai galakan tambahan, saya syorkan supaya sesuatu sistem galakan diberi kepada petani-petani supaya berusaha dan berupaya bagi menaikkan produktif asas tani. Saya cadangkan supaya mana-mana petani yang dapat membangunkan kawasan tanah terbiar diberi ganjaran tertentu sebagai galakan. Berbagai-bagai cara insentif yang boleh difikirkan supaya menggalakkan rakyat Malaysia meneroka kembali dan berbudi kepada tanah bagi meningkatkan produktiviti-produktiviti asas tani kita.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya saya ingin menyentuh di atas tanggungjawab Kementerian Luar Bandar. Kita semua tahu bahawa KEMAS adalah satu agensi yang kini mempunyai rangkaian yang luas di seluruh negara. Mereka memainkan peranan sebagai agen pembangunan di luar bandar dan saya kira perkhidmatan mereka diperlu pada masa dahulu lebih-lebih lagi pada masa ini.

Pertamanya kalau pada masa dahulu, mereka mengajar mak-mak kita, nenek kita di kampung menulis dan membaca sehingga kini kadar literasi negara kita memanglah yang terbaik di rantau ini. Kemudiannya mereka beralih kepada meningkatkan ekonomi keluarga dan menjalankan kelas-kelas tadika. Kelas-kelas tadika memanglah berjalan dengan lancarnya cuma dengan adanya program pra-sekolah kementerian pendidikan masa depannya agak tercabar. Walaupun demikian tadika berjaya tetapi di dalam usaha-usaha meningkatkan industri di kampung-kampung saya kira sudah banyak casualties dengan izin yang mana saya sendiri sudah sedar sudah ada mesin-mesin berharga beribu-ribu ringgit diberi kepada seorang pembuat kuih kapit ataupun 'love letters' dengan tersadai kerana tidak sesuai dengan perusahaan tersebut dan mesin tersebut yang begitu besar dijadikan bahan ejekan penduduk kampung.

Oleh itu sampai masanya agensi ini dikaji semula bidang tugas mereka. Yang pertamanya mereka hendaklah, masalah kawalan etika kerja haruslah diberatkan. Cerita KEMAS menaja tokoh politik tempatan dan diri mereka sendiri juga untuk satu-satu jawatan dalam parti adalah cerita lama. Mereka ini menggunakan kemudahan KEMAS bagi kepentingan diri mereka sendiri atau pun kepentingan orang-orang yang mereka tajai. Diharap KEMAS dapat dikendalikan sebagaimana dengan agensi-agensi lain supaya hasrat kewujudan tercapai, hingga tercapailah kalau boleh ke standard MS ISO 9000 sebagaimana yang kita idamkan.

Saya ingin mencadangkan supaya KEMAS ini diberi peranan baru yang sejajar dengan tuntutan zaman iaitu memerangi gejala keruntuhan akhlak dan moral di kalangan remaja melalui Ahli Jawatankuasa KEMAS daerah dan kampung. Saya kira KEMAS dapat menjalankan ini dengan amat berkesan sekali kerana KEMAS berada di seluruh ceruk rantau di kampung-kampung dan di parit-parit dan lain-lainnya.

Lagi satu bidang yang sangat baik untuk diterokai oleh KEMAS adalah menjadikan mereka agen perubahan bagi IT ataupun Teknologi Maklumat di kampung-kampung dan kesemua lapisan masyarakat. Dengan cara ini projek pembangunan kerajaan sampai kepada mereka dan menghindarkan kakaitangan KEMAS ini menguruskan KEMAS bagi memperkemarkan kedudukan diri mereka sahaja terutama dalam bidang politik. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk turut berucap dalam Menyokong Usul Menjunjung Kasih yang disampaikan oleh sahabat kita tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berbangga dengan pucuk pimpinan yang ada pada hari ini kerana telah membawa negara kita kepada tahap pembangunan ekonomi yang pesat kalau dibandingkan dengan pembangunan ekonomi yang dicapai oleh negara-negara lain. Untuk mencapai pembangunan ekonomi keparas 8.2% setiap tahun selama 6 / 7 tahun merupakan satu pendekatan yang diambil begitu rapi, secara tersusun. Dan ini menunjukkan kepimpinan yang sedia ada pada hari ini berjaya bagi mengarahkan negara kita untuk menuju ke arah baru dalam abad ke-21 supaya setiap lapisan masyarakat menikmati dari segi pembangunan ini. Saya ingin menyentuh senario pelaburan yang kini kita berdepan dengan keadaan pasaran saham yang terumbang ambing. Terutama sekali

dalam keadaan sekarang apabila kita dengar sahaja pengerusi Reserve Bank Amerika, Greinse Pan nak menaikkan dan telahpun menaikkan dari segi faedah di Amerika, rata-rata di seluruh dunia, pasaran terutama sekali di sekitar kawasan kita, di Malaysia, Thailand dan sebagainya kita dapat merasakan bahang kenaikan faedah di Amerika. Dan ini juga dikelirukan lagi oleh kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh mereka yang bertanggungjawab terhadap pasaran saham di negara kita ini.

Saya pernah menyoal pihak kerajaan, apakah tindakan yang diambil bagi kita menentukan supaya senario pelaburan dan pasaran di negara kita ini tidak dijejaskan oleh kenyataan-kenyataan sensitif yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu. Dan ini saya hendak tujukan kepada Bank Negara dan juga Security Commission atau Suruhanjaya Sekuriti, di mana kita menerima kenyataan yang dikhususkan kepada bank tetapi impaknya dapat dirasai oleh pelabur-pelabur kecil, pelabur-pelabur saham yang kecil. Apabila kenyataan dikeluarkan di mana peratusan kewangan yang disediakan kepada hartanah dihadkan kepada 20% dan pinjaman untuk melabur dalam saham pada 15% selepas kenyataan dibuat oleh pengerusi Reserve Bank di Amerika untuk menaikkan faedah di Amerika. Soalnya sekarang adakah bersesuaian kenyataan seperti itu dibuat secara mendadak tanpa mengambil kira sensitiviti ataupun psikologi pasaran saham di rantau ini.

Pada masa yang sama kita dapat lihat di surat-surat khabar kenyataan yang di buat oleh Suruhanjaya Sekuriti yang mengatakan bahawasanya penyelesaian pembelian saham terpaksa dibuat pada masa yang akan datang daripada T+7 kepada T+5. Dan hari semalam saya dengar penyelesaian pembelian saham ini mungkin terpaksa diselesaikan dalam tempoh 3 hari, dikurangkan lagi. Ini kenyataan yang dibuat oleh pengerusi BSKL.

Semuanya ini adalah merupakan perancangan yang akan dibuat, adakah perlu kenyataan seperti itu dibuat sekarang dalam keadaan pasaran saham yang tidak menentu arah? Ataupun kita boleh menunggu kenyataan ini dibuat pada masa yang lebih sesuai daripada sekarang.

Jadi, ini perkara yang kita minta Kementerian Kewangan memberikan fokus kepada kenyataan yang sensitif seperti ini supaya ianya dapat dikoordinatekan dengan lebih baik dan dibuat pada masa yang lebih sesuai.

Saya juga ingin menyentuh dari segi falsafah pelaburan yang dibuat oleh dana di negara kita ini terutama sekali mereka yang melimpah dengan kewangan misalnya KWSP dalam kenyataannya baru-baru ini kita dapati Kumulan Wang Simpanan Pekerja akan mengumpulkan wang caruman sebanyak RM1 bilion sebulan dan tahun ini kita diberitahu ianya mempunyai RM130 bilion dan pada tahun 2000 kemungkinan dana ini meningkat kepada RM200 bilion.

Soalnya sekarang, adakah dana ini dicurahkan untuk menyokong pasaran saham di Kuala Lumpur kerana ura-ura untuk membuat pelaburan di peringkat antarabangsa telah pun diumumkan oleh Pengerusi KWSP di Jepun, dua, tiga hari sudah. Kita diberitahu pasaran saham di Kuala Lumpur kini tidak diberi sokongan oleh institusi-institusi kewangan. Mengikut penganalisan yang dibuat mereka yang membeli saham di Kuala Lumpur ini 70% adalah daripada, dengan izin, non institutional fund. Dan 30% sahaja adalah kewangan yang diberikan oleh institusi kewangan termasuklah kemungkinan KWSP, Perkeso dan sebagainya. Jadi, soalnya sekarang, untuk hendak memantapkan lagi pasaran saham di Kuala Lumpur, BSKL kita, kita memerlukan daya inisiatif dan pendekatan yang lebih hebat lagi daripada KWSP yang mempunyai dana yang agak tinggi dan juga Perkeso yang saya difahamkan mempunyai lebih kurang RM5 bilion wang dan saya teliti dari segi pelaburannya terhadap saham Kuala Lumpur pun tidak berapa tinggi.

Jadi, adakah KWSP, Perkeso dan badan-badan seperti ini mempunyai pakar-pakar penyelidik, funds managers di dalam institusi mereka sendiri bagi menentukan syarikat yang mempunyai fundamental yang tinggi yang Earning Per Share (EPS)nya lebih kurang

saya lihat ada yang sampai 10%, 8% maknanya fundamentalnya kuat. Sepatutnya institusi seperti KWSP, Perkeso mengarahkan pelaburan mereka bagi menyokong syarikat ini dan tidak membuka jalan untuk melabur ke luar negara kerana kita memerlukan institusi ini melabur di dalam pasaran saham di Kuala Lumpur kerana pada masa yang sama dana-dana luar negara atau dana asing hanya masuk dan keluar sewenang-wenangnya di tempat kita dengan tidak ada emosi dan sentimen.

Saya difahamkan baru-baru ini dengan terlantarnya pasaran saham di negara Thailand, kita pun terlibat di mana kita bergantung lebih kurang 30% daripada pasaran kita yang ditampung, yang disokong oleh dana asing ini.

Jadi, kalau kita hanya bergantung kepada dana asing sehingga sampai 30% bererti kita meletakkan nasib pasaran saham kita di dalam tangan dana-dana asing ini. Jadi, saya menyerulah kepada pihak Kementerian Kewangan membuat satu strategi yang lebih berkesan lagi menggabungkan dana-dana yang wujud di negara kita ini dan diarahkan supaya mereka ini menyokong syarikat yang mempunyai fundamental supaya mereka ini dapat melabur dari segi jangka panjang dan mengurangkan pendekatan spekulasi yang dibuat oleh pelaburan kecilan seperti kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengharapkan terutama sekali KWSP mengkaji bagaimana sekumpulan wang sebanyak RM197.58 juta tidak dapat masuk ke dalam akaun sistem mereka dengan sebab-sebab tertentu, ada yang mengatakan maklumat daripada majikan tidak betul dan pelbagai masalah lagi. Saya diberitahu perkara ini telah pun berlaku sejak 20 tahun dahulu sehinggakan ianya sekarang ini meningkat sebanyak RM197.58 juta di mana wang caruman yang hendak dihantar oleh majikan tidak dapat masuk dalam sistem KWSP. Ini pun satu perkara yang menghairankan juga.

Jadi, saya rasa wang sebanyak ini terapung-apung tidak termasuk dalam KWSP dan KWSP tidak dapat hendak melabur wang ini kepada arah pelaburan yang lebih bermanfaat kepada pencarum-pencarum.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Boleh duduk sekejap?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Boleh!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin untuk mempengerusikan Majlis.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Dengan segala hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman daripada Pahang untuk meneruskan ucapan beliau.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi, untuk menyambung apa yang telah saya sebutkan tadi, kita merasakan KWSP tidak sepatutnya berdepan dengan masalah seperti ini. Kalau dalam kecanggihan kita untuk hendak mewujudkan satu masyarakat Information Technology (IT), kenapa KWSP dengan aset sampai RM130 bilion ini tidak dapat menyelesaikan satu masalah entri, hendak memasukkan wang daripada majikan sehingga RM197.58 juta tergantung dan tidak dapat memberi faedah kepada pencarum-pencarum.

Saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan, kalau sekiranya perkara ini dapat dikemaskinikan, saya rasa dan saya percaya pulangan dan dividen kepada pencarum-pencarum, kalau tahun lepas sebanyak 7.5% mungkin dapat meningkat

lebih tinggi lagi. Kerana kita dapati Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) sendiri, saya diberitahu pada tahun 1996 mempunyai pulangan dividen sebanyak 13.25%. Mereka pun menjalankan satu usaha yang sama tetapi kepada kita yang mencarum kepada KWSP, pulangan atau dividen yang paling tinggi hanya berjumlah 8.5%, itupun sudah lama kita tidak merasa 8.5% itu.

Jadi, saya syorkan sekali lagi dan saya tegaskan sekali lagi supaya Kementerian Kewangan mencari jalan supaya KWSP, Perkeso dan dana-dana yang lain mempunyai pengurus-pengurus dana yang tinggi dari segi ilmunya dan mempunyai kepercayaan kepada pasaran saham Kuala Lumpur sebagai penyokong kuat kita.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya terbaca dalam surat khabar dan amat menyedihkan sekali kerana kita dapati dalam kita telah mencapai kemerdekaan selama 39 tahun, Dasar Ekonomi Baru kita gubal dan telah pun tamat, ruang niaga bumiputera hanya 6%. Kalau ini benar, bererti kita gagal dari segi usaha kita untuk melahirkan peniaga-peniaga menengah. Di kota-kota raya kalau sehingga hanya 6% ruang niaga yang setakat ini dicapai dan dimiliki oleh bumiputera, kita gagal dalam usaha kita hendak meningkatkan pengusaha-pengusaha bumiputera menengah. Dan tadi kita dengar dari segi tabung memang banyak RM800 juta Tabung Usahawan Baru, RM800 juta dari segi tabung untuk hendak memberi supaya mereka ini berniaga, tetapi bila sampai kepada infrastruktur perniagaan itu sendiri, kita wujudkan UDA misalnya, tetapi UDA sekarang telah pun dicorporatisekan. Dengan satu matlamat pada satu ketika untuk mewujudkan rangkaian kedai-kedai, ruang-ruang niaga bumiputera di seluruh rangkaian bandar-bandar di negara kita, kalau hanya 6% kita capai setakat ini, saya rasa kerajaan mesti mengkaji semula cara mana pencapaian ini dapat meningkat daripada 6% sejak 39 tahun merdeka kepada tahap yang lebih tinggi.

Saya difahamkan hari itu matlamatnya sampai 30%, 20% pun tidak apalah. Dalam keadaan yang sama kita juga ingin tahu daripada pihak kerajaan adakah satu kajian dibuat, apabila wujudnya Institut Pengajian Tinggi swasta di negara kita ini bagi menampung keperluan pelajar-pelajar dalam segala bidang termasuklah multimedia dan sebagainya, dan juga termasuk pelajar-pelajar yang kita hantar ke luar negara, baik di Timur Tengah atau di Asia Barat ataupun di Eropah, di Amerika, di Australia, di Fokuka, di Japan dan di mana-mana sahaja, bagaimanakah jumlah dari segi peratusan, berapa ramai pula bumiputera, berapa ramai orang-orang lain, kawan-kawan kita yang lain kerana kita hendak menentukan supaya dari segi profesionnya, akauntan berapa ramai bumiputera, doktor berapa ramai, kalau tahap 10% hingga 15% bererti kita masih lagi ketinggalan dalam mencapai cita-cita yang pernah kita gubal menerusi Dasar Ekonomi Baru dan kini disambung dengan Dasar Ekonomi Negara.

Jadi, kita perlu satu semakan dengan secara menyeluruh bagi menentukan perjuangan yang kita buat tempoh hari dapat kita teruskan untuk mengimbangkan struktur masyarakat negara supaya semuanya setimpal untuk kita berdepan dengan alaf baru abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu anjakan paradigma yang dibawa oleh Samuel Hartington, perkara ini penting saya bawa ke Dewan kerana Samuel Hartington seorang cerdik pandai di Harvard telah menulis sebuah buku yang diberi nama, dengan izin, 'Clash of Civilizations The New World Order' iaitu satu pertembungan tamadun dan struktur dunia baru.

Tesis yang dibawa oleh Samuel Hartington ialah dari segi wujudnya satu perbalahan, satu pertembungan tamadun antara Barat dengan Islam. Apabila tidak ada komunis, komunis sekarang ini sudah tidak ada, Rusia sudah tidak ada, di Central Asia

pun sudah tidak ada, enemy yang nombor satu nampaknya mengikut tesis ini dari segi kaca mata Barat rupa-rupanya Islam.

Apabila meletupnya Dewan di Amerika di Oklahoma baru-baru ini, sungguhpun tidak melibatkan orang Islam terus mereka mengarahkan pandangan kepada kumpulan-kumpulan Islam di Amerika dan mengikut satu laporan orang-orang Islam di Amerika amat didiskriminasi sekarang ini setelah wujudnya buku ini lebih-lebih teruk lagi diskriminasi kepada orang Islam.

Dan kita lihat pula dari segi geo-politik di Eropah, kita dapati satu-satu negara Islam telah pun cuba dihancurkan. Mula-mula dengan Bosnia di mana ramai orang Islam di situ kerana wujudnya satu tesis anjakan paradigma dari segi geopolitik antarabangsa yang dibawa oleh kaca mata Barat, Bosnia dikucar-kacirkan. Sekarang ini hendak dibaikpulih.

Selepas itu Albania! Atas satu kegagalan penjualan secara pasaran piramid maknanya daripada atas sampai ke bawah semuanya dapat commission, bila benda itu hancur Albania tergugat, negara Albania, negara Islam di tengah-tengah Eropah tergugat. Dan kini kita baca dalam surat-surat khabar Turki sekarang ini wujud satu pemerintah yang lebih mirip kepada pengajaran Islam, kini berbalah pula dengan tentera Turki. Tentera Turki sekarang ini cuba hendak mengurangkan sekolah-sekolah agama, cuba hendak mengurangkan nilai-nilai agama. Soalnya sekarang, apa yang sudah terjadi? Adakah tesis dan anjakan paradigma Samuel Hartington berjalan dengan begitu baik sehinggakan negara-negara Islam di tengah-tengah Eropah tergugat? Dengan Bosnia, Albania dan kini Turki. Kalau inilah berlaku, saya mengharapkan kepada pihak kerajaan menerusi OIC dan badan-badan Islam yang lain dapat menjalankan satu pendekatan yang lebih intensif dan yang lebih strategik bagi mengatasi masalah kaca mata dunia yang mengatakan masalah dunia sekarang ialah perbalahan tamadun antara Barat dengan Islam. Islam yang mereka fikirkan itu mungkin Islam yang ekstrimis, yang membawa peperangan dan tidak mengikut ajaran-ajaran yang sepatutnya kita gunakan.

Jadi, saya menyarankan satu peperangan maklumat, satu pendekatan, satu peperangan psikologi (psywar) di mana kita mengambil peranan yang penting kerana kita terkemuka dari segi pendekatan dalam menyelesaikan masalah-masalah agama dan kaum.

Kita mengharapkan negara kita di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menentukan badan-badan yang kuat dari segi OIC dan sebagainya mengambil peranan bagi menghapuskan pandangan orang seperti Samuel Huntington ini yang merupakan sebagai satu ideologi baru untuk memerangi orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik hati dengan pendekatan kerajaan baru-baru ini untuk mewujudkan Yayasan Salam. Saya tidak berapa faham Yayasan Salam ini. 'Yayasan' adalah 'Foundation' dalam bahasa Inggeris, 'Salam' maknanya kita hendak merapatkan silaturahim dan sebagainya. Ianya menyerupai apa yang dilakukan oleh Amerika pada satu ketika 'peace core'.

Di Amerika sekarang di bawah pemerintahan Clinton wujud 'Americore' macam 'peace core' juga dan kerja-kerja yang dibuat oleh Americore ini ialah hendak menentukan pekerja sukarelawan (volunteerism) kerana didapati penglibatan orang ramai secara sukarela (volunteer) ini amat perlu sungguhpun negara Amerika adalah merupakan negara maju dan ini kita hendak buat di Malaysia - ini amat baik sekali, kerana kita dapati apabila ada yang mengatakan negara kita ini, walaupun kita mengambil 'Islam' sebagai agama rasmi, tetapi ia mempunyai keadaan yang amat kotor baik di tandas mahupun di mana-mana sahaja, sehinggakan Perdana Menteri sendiri terpaksa membuat pengumuman untuk berjihad terhadap kekotoran ini.

Jadi, kita dapati kalau sekiranya wujud sukarelawan seperti Yayasan Salam yang diumumkan baru-baru ini, kita mengharapkan setiap cuti sekolah, setiap cuti universiti dan sebagainya kita kerahkan tenaga-tenaga universiti, murid-murid yang bercuti, kalau di sini saya tidak tahu berapa lama. Kalau di luar negeri sampai tiga bulan bercuti antara satu tahun ke satu tahun yang lain. Begitu juga sekolah - sebulan, dua bulan. Kita buat program lebih hebat daripada Rakan Muda, di mana mereka ini dikerah ke seluruh pelosok negara, hendak cuci toilet seperti yang disebut oleh pihak kerajaan tadi 'grafy' sebenarnya 'graffiti' disebut 'grafi' saya pun hairan dari mana perkataan 'grafi' itu datang. Graffiti-graffiti di tandas-tandas umum dan juga kekotoran-kekotoran di tepi-tepi longkang dan sebagainya kita kerahkan mereka dan kita bayar.

Di Amerika Syarikat, untuk makluman Dewan yang mulia ini, K. Mark misalnya memberikan ruang untuk 2,150 stor-stornya bagi kegiatan-kegiatan seperti ini. Begitu juga Coca-Cola memperuntukkan sejumlah belanjawan bagi menampung keperluan kerja-kerja sukarela di Amerika Syarikat. Timber Land yang membuat kasut dan sebagainya mereka memberi peluang kepada pekerja-pekerja mereka di Amerika Syarikat selama 40 jam setahun dengan penuh gaji bagi menjalankan kerja-kerja sukarela di seluruh negara.

Saya yakin dan percaya di negara kita, dengan wujudnya syarikat-syarikat gergasi dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 1996 kita sekarang ini sudah wujud 32 syarikat dalam lingkungan jualan 1 bilion setahun yang dahulunya 9 pada tahun 1980-an kini sudah meningkat kepada 32 syarikat, maknanya penjualan tahunannya telah meningkat kepada 1 bilion. Syarikat-syarikat ini sepatutnya dikenalpasti dan memberikan peruntukan khas dalam belanjawan masing-masing, budgetnya untuk menampung keperluan kerja-kerja sukarela supaya kita dapat mengerahkan secara produktif dan lebih

positif lagi tenaga yang berkobar-kobar di peringkat pelajar-pelajar kita untuk menjalankan usaha sukarelawan di setiap peringkat masyarakat, di setiap pelosok negara.

Saya yakin dan percaya Yayasan Salam ini akan menemui kejayaan. Pada masa yang sama dengan adanya sokongan syarikat-syarikat gergasi selain daripada kerajaan kita boleh hantar jambatan 'salam' ini ke seluruh peringkat dunia yang memerlukannya dan ini boleh kita lakukan kalau wujud satu sokongan antara kerajaan, pihak swasta dan orang ramai, tidak kira profesion sama ada doktor, lawyer mereka boleh menjalankan usaha kerja-kerja sukarelawan ini. Jadi, saya mengharapkan pihak kerajaan meneruskanlah kerja baik ini mengunjurkan system volunteerism atau kesukarelawan untuk menjadikan ia sebagai ciri pendekatan untuk kita mengatasi masalah-masalah vandalism, graffiti, hak yang kotor-kotor ini dapat dibersihkan semula kepada zaman-zaman silam.

Di dalam Dewan yang mulia ini pada satu ketika saya menyoal, oleh kerana pada masa itu kita amat bertuah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun dapat mengunjungi Dewan kita. Jadi, soalan saya, saya hendak kemukakan sekali lagi kepada Dewan yang mulia ini, kalau sekiranya wujud pembangunan tiga segi yang merangkumi Johor, Johor itu dari segi pembangunan ekonominya sudah meningkat, Singapura dengan Indonesia. Di sebelah utara Pulau Pinang, Kedah, Thailand dan Indonesia.

Saya merayu kepada kerajaan, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi supaya memberi fokus pula kepada Pahang, Terengganu, Kelantan, Thailand Selatan, Kampuchea dan Vietnam - wujudkan lagi satu tiga segi, kerana di sinilah sebenarnya khazanah kekayaan Allah S.W.T dari segi minyak. PETRONAS mula-mula bertapak di sebelah Terengganu dan ura-uranya minyak yang sama pun banyak di bumi Pahang dan lebih banyak lagi di sekitar Kelantan, Southern Thailand,

Kampuchea dan Vietnam. Kalau PETRONAS dapat dijadikan sebagai catalyst penggerak pembangunan wilayah tiga segi yang baru ini, kerana telah pun menimba segala khazanah kekayaan, saya rasa ianya akan berjaya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kelantan, Terengganu, Pahang, orang-orang yang tercicir dari segi arus pembangunan ekonomi perdana ini, the front economic main stream ini lebih ramai dan juga kebanyakan Kelantan, Terengganu, Pahang. Kalau di Kelantan saya difahamkan 90% bumiputera, begitu juga Terengganu dan Pahang lebih kurang 60%-70%. Apabila kita membela kawasan-kawasan seperti ini, yang pada satu ketika menyokong kerajaan dengan sepenuhnya kecuali Kelantanlah kita tercicir sedikit. Kita sebenarnya menyokong dan membela nasib bangsa kita sendiri.

Saya hendak mengesyorkan kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri memberi fokus menimbangkan kembali untuk mewujudkan pembangunan tiga segi di sekitar kawasan Pantai Timur merangkumi negeri Thailand, Kampuchea, Vietnam, di mana di bawah buminya kaya dengan khazanah yang diberikan oleh Allah S.W.T iaitu minyak, gas dan sebagainya.

Begitu juga PETRONAS patut berterima kasih atas pembangunan yang ingin dicapai, seperti yang kita tengok di tengah-tengah kotaraya 'twin tower'. Kita berbangga di dalam twin tower ini saya difahamkan sebuah auditorium yang paling hebat, kita boleh dengar simponi setitik benda jatuh pun kita boleh dengar - yang paling hebat, paling canggih. Jadi, bawalah kecanggihan yang tidak sebegitu rupa ke peringkat Pahang, Terengganu, Pahang sebagai catalyst pembangunan, penggerak pembangunan di tempat-tempat di mana mereka pernah menimba kekayaan.

Saya juga ingin menyeru kepada pihak PETRONAS kalau sekiranya berbilion-bilion kelebihan yang wujud pada mereka sekarang ini memberikan penumpuan strategi

baru, strategi yang saya hendak katakan di sini ialah berkenaan dengan membaikpulih dari segi hutan belantara negara kita. Dalam satu soalan yang saya kemukakan kepada pihak kerajaan, kita berbangga, Malaysia mempunyai 58% kawasan kita yang masih lagi ditutup oleh hutan-hutan tropika.

Negara-negara yang maju di Amerika Syarikat, di England atau di mana-mana saya difahamkan peratusannya jauh lebih rendah, kita 58%, tetapi untuk hendak membaikpulih jangka panjang sebagai khazanah kekayaan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T pada kita untuk kita berikan dan lanjutkan kepada generasi akan datang, PETRONAS memainkan peranan mengambil wang yang dikutip daripada minyak dan gas, tanam banyak sedikit kayu-kayu sentang dan jati di seluruh negara.

Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak tanam pokok-pokok di sekitar kawasan bandar, saya dengar sampai 3-4 juta pokok-pokok baru yang hendak ditanam, di peringkat kawasan luar ini, di hutan belantara kita ini, kita baikpulih dan kita gunakan PETRONAS kerana dia resource base, amat tepat sekali. Kerana syarikat-syarikat minyak yang lain seperti Shell dan sebagainya pada satu ketika pernah mencari peluang melabur di dalam bidang-bidang seperti ini, di mana cycle, di mana dari segi pulangan modal kenalah masa 7-12 tahun dan mestilah orang yang mampu untuk hendak membiayai projek semacam ini dan PETRONAS amat mampu saya rasa melibatkan diri dalam bidang membaikpulih hutan belantara negara kita sehinggakan kita pada satu ketika dari segi strategi adalah taukeh kayu-kayu yang canggih di dunia ini. Ini penting, orang lain sudah habis, tetapi kita berikan penumpuan 'look-back', dengan izin tanam semula secara besar-besaran dan Malaysia merupakan pusat balak tropika yang terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga kerana di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri, kita dapati Bangsa-Bangsa Bersatu Presidennya pun adalah anak bangsa kita sendiri - Tan Sri Razali. Tan Sri Razali sebagai Presiden Bangsa-Bangsa Bersatu dan saya difahamkan ia dilantik sebagai Presiden, ucapan rasmi pertama kali adalah dalam Bahasa Malaysia.

Di dalam Dewan yang mulia ini, saya hendak kaitkan kenapa tidak usaha dibuat, kalau Dewan Bahasa dan Pustaka tidak berupaya kerana tidak cukup dari segi infrastrukturnya, kita cari jalan siapa yang berupaya bagi mengketengahkan penggunaan Bahasa Malaysia ke peringkat global. Kalau kita sekarang ini mengglobalisasikan dari segi pasaran dan dagangan, kita cuba mengglobalisasikan penggunaan Bahasa Malaysia. Kalau sekiranya kita tidak mampu ke peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu, kita bermula di Malaysia, bermula di ASEAN.

Saya difahamkan dalam satu kajian bahasa utama dunia yang dikeluarkan dalam surat khabar baru-baru ini, bahasa Melayu dia punya head-line wajar dinobat, rupa-rupa mengikut satu kajian Profesor Peter Hostler dari Universiti Adelaide Australia, dia mengatakan dalam masa 100 tahun akan datang, salah satu bahasa dari enam bahasa yang masih kuat dan mampu dijadikan bahasa antarabangsa ialah bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia. Kalaulah inilah pandangan seorang sosio-linguistik seluruh dunia mengatakan bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia ini mampu, kita sepatutnya bermula sekarang menggunakan Bahasa Malaysia ke tahap antarabangsa dengan wujudnya satu titik permulaan yang dibuat baru-baru ini oleh Presiden Bangsa-Bangsa Bersatu dan dalam segala bidang rasmi ASEAN misalnya mungkin boleh kita gunakan dengan Indonesia, Filipina, Singapura, South Thailand semuanya pandai berbahasa seperti kita.

Jadi, kita cuba menjadikannya bahasa rasmi ASEAN sebagai titik permulaan untuk meloncat ke peringkat antarabangsa global.

Tuan Yang di-Pertua, ia sepatutnya juga bermula dengan surat-surat khabar. Saya perhatian surat-surat khabar seperti Utusan Malaysia, Utusan Melayu pemikiran dalam contentnya itu kemelayuan sangat. Kalau sekiranya kita hendak menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang tidak lagi dipunyai oleh orang Melayu, kerana kegunaannya merupakan kegunaan seluruh Malaysia dan berhajat pula hendak menjadikan bahasa ASEAN dan juga bahasa global, content pendekatan minda kita, kita buka. Cerita-cerita karut macam tahyul jangan banyak sangat, kita bukakan cerita-cerita yang lebih global, yang pemikirannya lebih mantap terhadap menghubungkaji dan mengaitkan networking kita antara kaum, antara ASEAN dan antarabangsa.

Begitu juga dengan televisyen-televisyen, program mereka sepatutnya kalau dalam Bahasa Malaysia itu memberi fokus lebih terbuka dari segi minda yang lebih luas tidak ada sempadan dimensi yang lebih luas. Jadi, kalau pendekatan ini yang kita ambil, kita kuatkan Dewan Bahasa dan Pustaka dan agensi-agensi yang lain, kita kuatkan dari segi institusi-institusi pengajian tinggi dalam penggunaan bahasa dan kita tanya pula apakah kerajaan hendak buat dengan IPT-IPT swasta di mana mungkin bahasa Inggeris mungkin digunakan. Adakah ini akan melemahkan penggunaan Bahasa Malaysia saya pun tidak tahu, kajian terpaksa dibuat.

Saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji dengan wujudnya, bercambahnya IPT-IPT swasta seperti cendawan kebelakangan ini, kita kaji semula adakah ianya menguntungkan kita dari segi penggunaan bahasa dan adakah ruang untuk ianya mencelah dan kita mengarahkan satu kajian seperti ini dapat dibuat oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi berjanji tidak hendak bercakap panjang kerana ramai sangat yang hendak bercakap - yang masih belum bercakap - tetapi saya ingin juga menyentuh dari segi badan perdagangan dunia (WTO). WTO yang kita dengar baru-baru ini cuba menyekat negara-negara tertentu untuk menjadi ahli atas alasan mereka tidak mengambilkira dari segi politik yang berasaskan demokrasi ala Amerika. Demokrasi ini kalau ikut takrif, Amerika sahaja, kalau ikut takrif Barat sahaja, cara lain dia tidak tahu - dari segi takrif. Begitu juga dari segi human rights, dengan izin, hak-hak asasi manusia. Mereka menggunakan kriteria seperti ini. Begitu juga dari segi penggunaan tenaga manusia yang di bawah umur - tidak tahu umur 15 tahun ke bawahkah atau 18 tahun ke bawah - saya tidak tahu. Ini berbeza sedikit dari segi Sexual Act. Jadi, saya tidak tahu adakah kriteria ini perlu ditepati oleh negara-negara seperti Myanmar, China dan sebagainya untuk menganggotai WTO ini supaya mereka mempraktikkan kriteria yang diberi oleh negara Barat. Negara yang membangun daripada tenaga-tenaga hamba dari Afrika yang dibawa oleh mereka ke Amerika berpuluh-puluh tahun dahulu. Tenaga-tenaga hamba di Malaysia pun dibawa ke Afrika.

Kita tahu sekarang ini orang-orang Melayu di Seychell di Afrika kebanyakannya dicuri dari pantai negara kita ini, dibawa untuk bekerja sebagai hamba. Begitu juga dengan England membawa pekerja-pekerja secara hamba daripada negeri-negeri tertentu. Mereka membangun atas ini dan sekarang ini cuba hendak mengajar negara-negara lain jangan buat apa yang saya telah buat beratus tahun dahulu tetapi cuba masuk ke kelab kita ini dan buat demokrasi elok-elok, jangan ada pekerja-pekerja kanak-kanak dan jangan menggunakan hak asasi manusia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mohon izin, playing field itu tidak level, tidak sama. Padang permainan antarabangsa sentiasa diberikan penekanan oleh negara-negara yang maju kepada negara-negara yang baru hendak maju.

Jadi, kita syor, kita sokong apa yang dibuat oleh kerajaan kita bagi menentukan negara Myanmar, misalnya, ASEAN akan bersatu padu bagi menentukan Myanmar tidak tersisih dari segi pembangunan, dari segi apa yang dituntut oleh Amerika. Begitu juga dengan China, Asia Pasifik misal kata telah menentukan perkara-perkara, nilai-nilai yang dibuat oleh Amerika ini tidak akan diterima sebagai nilai-nilai atau kriteria yang boleh memberikan peluang untuk mereka masuk dalam kelab WTO yang mereka itu buat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja hendak sentuh dari segi Mahkamah Syariah. Saya banyak berbisik dengan rakan-rakan wanita dalam mesyuarat-mesyuarat cawangan baru-baru ini. Banyak yang mengatakan mahkamah syariah ini kalau sampai ke bab cerai berai ini, mereka rasa tersisih. Lambat sangat! Proses hendak bercerai pun lambat sangat. Hendak menunggu perceraian itu dengan sebab-sebab sudah wujud dan sebagainya, mereka cuba hendak memperbaiki semula, lepas itu teruk lagi menunggu 'buah yang tidak gugur'. Kalau durian itu bila musim durian pun gugur juga, jadi bertahun-tahun kadangkala. 'Gantung tidak bertali' kata sahabat saya, saya tidak tahulah macam mana 'gantung tidak bertali' ini, saya tidak faham. Tetapi, soalnya adakah pihak kerajaan mengkaji dari segi statistik, berapa ramai mereka - kes-kes yang hendak minta cerai ini? Yang tidak selesai setahun, berapa ramai, dua tahun berapa ramai, tiga tahun berapa ramai? Dan buat satu kajian, macam kita mengkaji sekarang ini, siapa yang pergi ke masjid. Tiap-tiap hari Jumaat sekarang, kita dapati peringkat orang yang pergi ke masjid dari atas sampai ke bawah bukan main memenuhi dan melimpahi perkarangan masjid.

Jadi, kalau ada study, kalau ada satu kajian di peringkat mahkamah syariah, berapa ramai wanita-wanita yang.....

Datuk Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat Dato', berapa buah masjid sudah pergi tengok melimpah-melimpah ini?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya, Masjid Negara, Masjid Damansara, tempat kita di Temerloh dan sebagainya. Di Benta saya belum pergi lagi. Tidak tahulah melimpahkah tidak melimpah di Benta. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pihak kerajaan mengkaji kerana ini memberikan imej yang baik kepada Islam. Kalau kita dapat menyelesaikan sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama dengan secepat mungkin, jadi saya rasa kalau kita dapat berbuat begitu, ianya mengurangkan bebanan dan tekanan jiwa kepada mereka yang terlibat. Saya rasa perkara semacam ini elok di bawa ke peringkat kebangsaan dan juga kepada peringkat negeri.

Puan Kamalia binti Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Laluan dibenarkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa perceraian di negara ini perlu dipercepatkan tanpa mengambil kira masalah-masalah ataupun peraturan-peraturan undang-undang kerana tadi Yang Berhormat kata untuk memberi imej yang baik? Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ini cepat ini relatif, Tuan Yang di-Pertua, kalau setahun, dua tahun itu lambatlah, makna cepat itu kurang daripada itu. Jadi, penyelesaian boleh dibuat, mereka boleh pergi kaunseling dan sebagainya. Ini lepas kaunseling tiga, empat kali masih tidak ada keputusan. Hendak rujuk macam mana, sudah tidak boleh hendak rujuk lagi, dua, tiga, empat kali. Saya merasakan ini laporan

yang kita terima dari segi tidak formal daripada mereka yang terlibat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Banyakkah Yang Berhormat, yang datang berjumpa Yang Berhormat untuk minta kaunseling? *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ada juga kadangkala Dato'.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak bawa ke Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan jalan raya. Saya tahu, Dato' sendiri pernah membawa perkara ini - Jalan ke Benta, ke Lipis dan seterusnya. Saya hendak bawa.....Dato' Seri Sammy Vellu tidak ada ya, tadi dia ada.

Jadi, jalan raya ini, bila kita pergi dari Kuala Lumpur ke Kuantan, misalnya, dulu saya tanya “kenapa tol jalan raya di Gombak hendak pergi ke Kuala Lumpur, dari Kuala Lumpur hendak pergi ke Karak dan ke Kuala Lumpur, masih dikenakan masa itu RM1, walhal jalan raya itu tidak berupa jalan raya lagi kerana ia tengah overhaul hendak buat jalan baru” Ini Karak Highway ini, dengan izin. Lepas itu bila siap sedikit jalan terus naik RM1.90 - 90% - tiga lanes, tiap-tiap tepi kiri tiga lane, kanan tiga lane sampai ke terowong dekat Genting. Tetapi dari segi had lajunya kalau dulu kita bayar RM1 sebelum jalan itu diperbaiki, had lajunya 90 kmh dan ada masanya 110 kmh, sekarang had laju tiga lane, RM1.90 maksimum 80 kmh dan kebanyakan selekoh-selekoahnya 60 kmh, jadi kira punya kira pukul rata 70 kmh had laju, bayar RM1.90. Saya setuju dengan sahabat saya, lebih baik jalan lama. Hendak yang lama juga dia.

Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan kenapakah ini menjadi begitu rupa dan kita keluar sahaja dari Karak, keluar dari tol Bentong masuk ke jalan lama, satu lane sebelah kira satu lane sebelah kanan - 90 kmh, tidak ada tol. Jadi, ini satu ironi, dengan izin, satu paradoks, mengapa perkara ini boleh berlaku semacam ini. Bila saya tanya hari itu

kenapa tidak dihapuskan tol bila jalan hendak diperbaiki, dia kata package dari segi kos sudah termasuk pembayaran tol- tidak apalah, fasal dia sudah masuk dalam package dari segi sebut harga tetapi bila sudah naik RM1.90, kaji semula dari segi had laju, fasal kita hendak cepatlah, jalan sudah cantik dan had laju 90 kmh, 110 kmh pun ada. Jalan-jalan tertentu ada sampai 110 kmh kenapa pula kita didiskriminasi dari segi itu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Jadi, Yang Berhormat hendak menyekatkan nafsu supaya kita ini jangan cepat sangat. Biar perlahan-lahan sedikit.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kalau 200 kmh itu nafsu, kalau 110 kmh belum nafsu lagi Dato'. *[Ketawa]* Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kerana diberi peluang untuk menyatakan beberapa perkara yang belum disentuh oleh saudara-saudara saya dan saya mengharapkan pihak kerajaan akan mengambil kira pandangan-pandangan itu bagi menentukan supaya pembangunan dapat dirasa oleh saudara-saudara kita di Pantai Timur - di Kelantan, di Terengganu dan Pahang apabila wujudnya kawasan tiga segi dan dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh sahabat saya Senator Puan Kamilia.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz yang telah pun mengemukakan banyak isu dan pandangan. Saya hendak menjemput Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah, dia yang bangun dulu yang mata saya terus kepada dia tadi. Puan Hajah Ramlah binti Kassim, minta maaf dari Pahang juga.

5.10 ptg.

Puan Hajah Ramlah binti Kassim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengambil peluang sama menyokong dan junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas cadangan

Usul Titah Ucapan yang dibuat dan dibawa oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim pada hari pertama mesyuarat Dewan Negara pada 12hb. Mei, 1997 dan usul tersebut telah mendapat sokongan sebulat suara dari seluruh Ahli Dewan Negara ini dan tiada kedapatan seorang pun yang tidak menyokong. Ini menunjukkan betapa prihatinnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap kestabilan negara dan kemajuan rakyat di bumi yang tercinta ini.

Dalam Titah Ucapan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh semua aspek daripada keselamatan negara, ekonomi, pendidikan termasuk agama, kesihatan dan sebagainya. Dengan Titah Ucapan sedemikian menunjukkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengangkat martabat kepimpinan negara sama ada yang lalu sehingga masa kini ke tahap yang paling baik. Kita rasa bangga kerana pemimpin kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah dianugerahkan beberapa pingat kecemerlangan di beberapa buah negara luar dan pingat itu adalah setimpal dengan apa yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri dan kita berharap agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan mendapat beberapa sanjungan lagi dari negara-negara luar. Di samping itu, kita harap pemimpin yang lain juga terutama Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan menteri-menteri lain lagi akan turut jejak langkah Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Kita rasa kagum kerana pemimpin negara kita adalah yang terbaik. Ini adalah mungkin kerana cara pemilihan demokrasi kita yang kita amalkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, kegigihan pemimpin-pemimpin kita bagi melaksanakan pembangunan negara tidak dinafikan dan tujuan ini semua tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menyakinkan bukan sahaja rakyat di negara ini, bahkan di negara luar terutama untuk menarik pelabur luar ke negara ini supaya

kehidupan rakyat kita akan lebih baik, lebih terjamin dan lebih dihormati dari masa ke semasa. Musuh-musuh negara dari luar dan dari dalam akan sentiasa menunggu dan mencari jalan untuk melemahkan kita termasuk juga negara jiran. Kita rasa bangga kerana kerajaan kita sentiasa berwaspada.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah meletak keselamatan negara adalah tempat yang paling tinggi. Ini adalah menunjukkan keselamatan negara adalah penting kerana tanpa keselamatan rakyat akan menderita. Untuk menjamin rakyat terus hidup dalam keadaan aman damai kita mohon pihak kerajaan membuat susulan dari masa ke semasa terutama tentang kebajikan para anggota tentera sama ada tentang gaji mereka, adakah setimpal dengan tugas yang dijalankan dan macam mana perbezaan dengan negara-negara luar, keselesaan tempat kediaman dan kecukupan rumah tempat tinggal dan lain-lain kemudahan asas. Kita mahu para anggota keselamatan kita dapat menjalankan tugas dengan tidak ada gangguan yang akan menarik minat beliau untuk bersara atau berpindah ke negara lain yang mana menawarkan perkhidmatan dan pendapatan yang lebih baik lagi. Begitu juga peralatan yang digunakan oleh pasukan keselamatan seperti kapal terbang, lori pangangkutan dan sebagainya hendaklah yang terbaik dan jagaan yang rapi oleh mereka yang terlatih supaya ini tidak berlaku sebagaimana yang telah lepas.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan keselamatan negara, walaupun peristiwa 13 Mei hampir hilang dari ingatan kita, tetapi kita jangan lupa itulah peristiwa titik-titik hitam di negara kita dan kita harus berwaspada dan peristiwa itu berlaku adalah disebabkan terdapat jurang perbezaan ekonomi yang begitu ketara.

Kita rasa bersyukur kerana pada hari ini walaupun masih belum selesai, tetapi masih boleh dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita berhadapan dengan satu lagi masalah iaitu kedapatan jurang perbezaan kaum di dalam bandar dan di luar bandar. Kita kedapatan rata-rata di dalam bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan ibu-ibu negeri dan bandar-bandar kecil di seluruh negara kita seolah-olah memiliki gedung-gedung perniagaan di dalam bandar terdiri daripada satu golongan sahaja. Saya berharap kepada pihak kerajaan agar dapat membuat sesuatu supaya jurang ini tidak terlalu ketara dan tidak menggambarkan penduduk Malaysia yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang masalah penyakit sosial yang kita heboh-hebohkan di dalam Dewan Negara yang mulia ini. Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana merancang pelbagai program melalui Rakan Muda dengan tujuan untuk mengatasi masalah belia lepak, penyakit dadah dan sebagainya. Walaupun perancangan yang dibuat oleh pihak kerajaan rapi, tetapi masih timbul pula masalah-masalah yang lain seperti program bercampur lelaki dan wanita terlalu bebas. Kita mengharapkan perkara ini mestilah diawasi oleh pihak kerajaan. Kita berharap kepada pihak kerajaan supaya program semacam ini sebelum dilaksana harus dikaji dari semua aspek, termasuk hal-hal berkait dengan hukum haram-halal dari segi Islam dan ini hendaklah dibuat dari peringkat awal lagi, termasuk pendidikan kepada para ibu bapa kerana ibu bapa adalah sasaran yang paling penting kerana ibu bapalah yang harus dibentuk dahulu, seterusnya anak-anak dan golongan belia kerana ibu bapa adalah sebagai model yang seharusnya ditunjuk, yang menjadi ikutan kepada anak-anak kita.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kegunaan telefon bimbit di dalam kenderaan sebagaimana kita sama-sama mendengar tadi. Saya mengharapkan kerajaan harus membuat kajian semula kerana kedapatan rata-rata pada hari ini walaupun tangkapan demi tangkapan, tetapi saya rasa boleh dikatakan semasa memandu kereta itu

makin meningkat pemakaian telefon bimbit di dalam kereta. Jadi, saya rasa menjadi malu ataupun menjadi satu cemuhan kepada pihak-pihak yang berkenaan oleh kerana kerajaan telah membuat dasar tetapi benda itu masih berleluasa. Tadi kita dengar Timbalan Menteri mengatakan ada satu soalan, adakah perancangan ini dibuat kajian terlebih dahulu, dia kata tidak ada. Jadi, saya mengharapkan harus pihak kerajaan membuat kajian semula supaya tidak ditempelak oleh mana-mana pihak. Maknanya, sudah diputuskan oleh kerajaan tetapi masih berleluasa.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana pada hari pertama mesyuarat berkali-kali saya bangun untuk berucap, tetapi malangnya tidak dapat. Tetapi pada hari ini saya mengucapkan terima kasih banyak kerana saya rasa bukan pilih kasih, Dato' Aziz juga daripada Pahang dan saya pun dari Pahang, tetapi oleh kerana simpati Yang Berhormat Dato' kepada saya seorang wanita yang berkali-kali hendak bercakap dalam Dewan ini, saya rasa tidak ada, jadi saya mengucapkan terima kasih.

Akhir sekali, kerana kali pertama saya bercakap dalam Dewan ini, saya rasa mungkin saya test market, jadi saya mengucapkan terima kasih dan saya minta maaf dan saya sudah dengan wassalammu alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih. Bukannya saya bersimpati, tetapi ekor mata saya terus kepada Yang Berhormat tadi. Itu ekor mata saya yang bersimpati. Sekarang ini ekor mata saya nampak kaum lelaki pula. *[Ketawa]* Saya menjemput Yang Berhormat Haji Sairin bin Karno untuk berucap.

5.20 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana turut memberi kesempatan kepada saya untuk ikut serta menyokong usul menjunjung kasih

kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi Titah DiRaja di Dewan Parlimen pada 24hb. Mac, 1997 sempena perasmian Mesyuarat Penggal Ketiga, Parlimen Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah DiRaja yang disampaikan amat bertepatan dengan iklim ekonomi negara yang semakin pesat berkembang dan bergerak pantas mengharungi cabaran era globalisasi yang pelbagai bentuknya menjelang abad ke-21. Kemakmuran, keamanan, kestabilan, kekukuhan, kemantapan ekonomi hari ini jelas membuahkan pulangan yang bukan kepalang hasil usaha gigih pucuk pimpinan dan kerajaan yang mempertingkatkan taraf hidup rakyat hingga menimbulkan kesan rasa cemburu yang amat sangat kepada jiran kita yang mana menurut Yang Berhormat Yim Chee Chong seperti kacang lupakan kulit. Kita beri susu, dia balas dengan tuba. Kita tatang mereka seperti menatang minyak yang penuh, namun tuba kita terima. Kita beri betis, badan hendak dimamah. Itulah barangkali dasar anjing tersepit, kita lepaskan, bukan pula terima kasih balasannya tetapi gigitan pula yang kita terima.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ini bidalan barukah, 'diberi betis hendak badan' ini? Saya rasa 'beri betis hendak peha'.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Kalau Dewan Bahasa dan Pustaka boleh terima, itu istilah baru. Tragedi ini pernah berlaku di mana pada 32 tahun yang lalu iaitu pada 9hb. Ogos, 1965 Singapura dikeluarkan daripada Malaysia dan yang paling terbaru menurut sumber yang kita terima iaitu berkenaan melarang pelajarinya sempena cuti dan penduduknya sekali melancong ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sememangnya terkenal dengan sikap tegas dan ini telah kita buktikan bila kita mengambil tindakan 'buy British last' dan terbukti amat berkesan. Begitu juga apa yang telah kita lakukan ke atas Australia. Tahniah dan syabas.

Hari ini salah sebuah negara ASEAN membuat olah dan sebelum kita mengambil tindakan tegas, kita haruslah menyiasat dan meneliti siapa tahu ada dalang-dalang dan ada petualang yang ingin melihat kesatuan ASEAN ini lemah yang mana secara kebetulan Malaysia sentiasa two steps ahead, dengan izin.

Baru-baru ini Malaysia telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dalam banyak hal dan terpilih sebagai negara Asia yang menawarkan kehidupan terbaik bagi pegawai-pegawai asing di rantau Asia. Kajian yang dilakukan oleh firma perunding risiko politik dan ekonomi dengan mewawancara 287 pegawai-pegawai asing yang tinggal di Asia mendapati mutu kehidupan yang ditawarkan di negara ini jauh lebih baik berbanding dengan negara-negara lain di Asia dan ini meliputi mutu kesihatan, kesesuaian budaya, kehidupan malam dan keselamatan peribadi. Secara keseluruhannya, Malaysia mengatasi negara Singapura, Filipina, Hong Kong, India, Thailand, Jepun, Taiwan, Indonesia, Korea Selatan dan China. Kajian ini memang tepat dan benar, jika tidak, buruh-buruh asing tidak akan membanjiri negara Malaysia yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, andainya benar ada dalang yang cuba menuang minyak ke dalam api, maka kita mohonlah pihak pemimpin kita, kerajaan yang kita dokong hari ini menyelesaikannya secara bijaksana. Namun andainya ini adalah kenakalan yang sengaja dilakukan oleh Singapura, maka apa lagi? Biarlah barangkali Singapura menjadikan air Laut China Selatan itu sebagai air kegunaan mereka tanpa meminta belas ihsan dari negara Malaysia tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu saya ingin menyokong cadangan, kalau sudah ada, kalau belum ada, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Malaysia berunding dengan Kerajaan Thailand kita buat terusan baru yang kita panggil Terusan Segenting Kera yang pastinya akan memberi pulangan dalam banyak segi kepada kedua-dua kerajaan. Yang

kedua, saya juga turut menyokong kiranya cadangan telah ada atau kalau belum ada, saya ingin mencadangkan kalau kita mempunyai sejarah-sejarah ataupun bangunan twin yang tertinggi di dunia, kalau jambatan merentasi antara Johor dengan Singapura yang jauhnya lebih kurang 1.1 kilometer, maka kita buat jambatan yang terpanjang di dunia yang boleh menghubungkan antara Malaysia dengan Indonesia iaitu di Tanah Besar Sumatera, saya yakin ini juga boleh memberi pulangan yang banyak kepada Kerajaan Republik Indonesia dan Kerajaan Malaysia, selain daripada memudahkan kedua-dua negara ini mengawal Selat Melaka daripada dicemari dan dicerobohi sesuka hati oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab. Saya amat yakin hal-hal seumpama ini perlu penelitian yang amat sangat, tetapi kalau cadangan pelaksanaan jalan kereta api daripada Semenanjung Tanah Malaysia ke Beijing, China dapat kita cadang dan buat, hal cadangan saya tadi tidak mustahil dan insya-Allah, ianya boleh dilaksanakan sesuai dengan konsep negara kita 'Malaysia boleh'.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk turut menyentuh masalah gejala sosial di kalangan pelajar kita dan tidaklah boleh kita menyalahkan sistem pendidikan, sistem sekolah atau para guru semata-mata sebab tanggungjawab yang paling utama dan berkesan ialah kedua ibu bapa dan juga keluarga dan diperpanjangkan dengan peranan guru-guru yang bertanggungjawab membimbing, mengajar, mengasuh dan memberi ilmu kepada para pelajar dan seterusnya menentukan kejayaan pelajar dalam sistem pendidikan untuk ianya direalisasikan. Maka kita harus mengakui bahawa dedikasi dan komitmen guru sangat-sangatlah diperlukan.

Kita juga menyedari bahawa perhatian dan tumpuan guru terhadap pelajar kadangkala melebihi tuntutan daripada tanggungjawabnya. Untuk lebih dedikasi dan komitmen wujud dalam apa juga pekerjaan, rangsangan motivasi mesti ada bagi setiap guru dan ini bergantung kepada skim perkhidmatannya. Dalam zaman remaja anak-anak, mereka turut bersaing dengan pelbagai pengaruh yang antaranya hari ini pengaruh ibu bapa semakin terhakis dan berkurangan, lantaran kesibukan dan kekurangan ilmu keibubapaan. Pengaruh guru juga turut berkurangan dan lemah, lantaran tiada dedikasi

akibat tiada rangsangan kerja, mungkin kerana skim perkhidmatan yang sudah agak lapuk.

Atas sebab itulah apabila benteng sekolah runtuh, gejala penyakit sosial ini mula masuk kepada pelajar kita. Dan kalau kita ingin membina balik benteng di peringkat sekolah, kita mestilah pulihkan semangat dan dedikasi para guru. Semua pihak tahu laporan sudah dikemukakan, namun apa tindakan kerajaan dalam perkara Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji kedudukan guru, sehingga hari ini belum ada berita yang memberangsangkan.

Untuk itu, saya mencadangkan agar perhatian segera dan perhatian berat oleh kerajaan, dan janganlah dilengah-lengahkan, kerana kelewatan akan menjejaskan masa depan negara kita. Menyentuh pengaruh yang sedang bergerak seiring pantas dengan anak-anak kita pada hari ini, khasnya pengaruh televisyen, termasuklah saluran swasta yang disediakan ditonton oleh kita semua, iaitu Astro dan juga Mega TV. Peratus program yang berbentuk ilmu yang ditunjukkan oleh kedua-dua saluran ini amat sedikit sekali. Ia lebih tertumpu kepada program-program hiburan. Ia sebenarnya menghayalkan anak-anak kita, menghabiskan masa mereka dan mendedahkan anak-anak kepada nilai yang tidak baik. Daripada pengalaman sendiri kita dapati bahawa Astro memberikan 20 saluran televisyen. Satu saluran ilmu, saluran discovery, dua sukan, dua berita dan kelima-lima saluran ini anak-anak kita tengok, mereka hanya tengok saluran yang memberi dan menunjukkan siri-siri kartun selama 24 jam.

Sebenarnya kalau kita berkehendakkan maklumat, kalau kita hendak ilmu, kita boleh dapat dan tidak semestinya daripada Astro dan daripada Mega TV. Kita boleh perolehi daripada komputer, Internet, radio, buku-buku, surat khabar dan sebagainya. Astro dan televisyen sekali lagi saya katakan adalah semata-mata untuk hiburan. Oleh itu, saya cadangkan oleh kerana ia berbentuk hiburan, supaya kadarnya daripada

RM80.00 dinaikkan agar anak-anak kita tidak asyik hanya menonton saluran TV sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, di mana silapnya? Mengikut Durham 1990, seorang ahli sosiologi menyatakan, 'penyakit sosial akan berlaku apabila terdapat gangguan kepada peraturan kemasyarakatan yang telah dipersetujui sejak turun-temurun. Lazimnya gangguan berlaku apabila terdapat pertembungan di antara nilai-nilai kehidupan tradisional dengan nilai-nilai kehidupan baru yang konvensional akibat dari masyarakat dilanda perubahan di mana kebanyakan dari anggota masyarakat belum bersedia untuk menghadapinya. Dalam konteks masyarakat Malaysia, gangguan ini pada pendapat saya:

- (i) Ibu bapa yang terlampau sibuk mengejar kemewahan hidup.
- (ii) Kurangnya pendidikan agama dan kerohanian di kalangan anak-anak muda.
- (iii) Penghijrahan belia di luar bandar ke bandar yang semakin pesat.
- (iv) Sikap anggota masyarakat yang semakin materialistik.
- (v) Pendedahan unsur-unsur negatif melalui media elektronik dan media cetak.
- (vi) Merosotnya pengetahuan keibubapaan di kalangan ibu bapa muda dalam memberi pendidikan yang berkesan kepada anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saling kait di antara faktor-faktor yang dinyatakan di atas, pada hemat saya telah mencetuskan dua kesan buruk kepada masyarakat, iaitu merebaknya kebudayaan yang berasaskan hawa nafsu dan semakin merosotnya pendidikan agama. Kebudayaan yang berasaskan hawa nafsu yang diimport melalui pelbagai sumber tidak dapat disangkal telah merosakkan belia-belia yang lemah nilai akhlak dan keagamaannya. Pengaruh budaya pop dan rock yang bertunjangkan

percampuran bebas di antara lelaki dan perempuan telah menyebabkan anak muda bersifat lebih agresif. Lantaran itu, mereka berani menentang nasihat orang tua dan lari dari rumah, kononnya hak mereka telah terhakis dan tercabul.

Setengah-setengah ibu bapa yang bersikap materialistik telah mengabaikan tanggungjawab mereka dalam urusan mengasuh dan mendidik anak-anak mereka. Ternyata yang paling ketara diabaikan ialah pendidikan agama. Sedangkan pendidikan agama adalah tunggak dalam kehidupan seharian. Ramai anak-anak muda rosak kehidupan mereka kerana kehilangan arah hidup lantaran ketiadaan panduan dan pedoman. Anak-anak memerlukan bimbingan dalam menempuh tekanan hidup yang penuh pancaroba. Anak-anak yang tidak mendapat belaian kasih-sayang dan tunjuk ajar ibu bapa tentu sahaja senang dipengaruhi unsur-unsur negatif dan seterusnya membiakkan pelbagai penyakit sosial yang kronik.

Apakah alternatif yang kita ada? Anak muda hari ini ialah penggerak negara pada masa hadapan. Seandainya mereka sudah tidak mengendahkan lagi betapa pentingnya maruah dan nilai keperibadian diri, ibu bapa, bangsa, agama dan negara, bagaimanakah pula mereka apabila tiba tahun 2020?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan untuk mengatasi keruntuhan moral ini, yang pertama, menekankan dan meluaskan lagi pendidikan agama di sekolah, termasuk kepada pelajar-pelajar bukan Melayu. Buat masa kini penduduk-penduduk bukan Melayu tidak menerima pendidikan agama di sekolah kita. Saya harap pihak kementerian akan menerapkan etika moral remaja nasional berpaksikan kepada didikan agama.

Yang kedua, memeriksa semula sukatan pelajaran moral supaya pendidikan moral dan agama benar-benar berkemampuan untuk menangani permasalahan moral dewasa ini.

Yang ketiga, mengemaskinikan lagi pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah. Pelajar-pelajar wajib dilibatkan sama ada dalam kegiatan bersukan, berpersatuan ataupun pasukan pakaian seragam.

Yang keempat, penekanan soal etika keibubapaan bagi pasangan yang baru mendirikan rumah tangga adalah amat berfaedah untuk mendedahkan mereka kepada kursus membentuk kemahiran keibubapaan.

Tuan Yang di-Pertua, latihan perguruan juga harus menekankan sikap kasih sayang guru kepada murid-muridnya. Murid-murid dewasa ini semakin memerlukan guru yang sanggup mendengar, menyayangi dan mendidik mereka dengan sabar. Guru harus menjadi lebih profesional dalam usaha menangani masalah disiplin di sekolah-sekolah. Justeru itu, Persatuan Ibu Bapa dan Guru harus menilai semula peranan mereka supaya benar-benar dapat memainkan fungsi pembinaan akhlak yang mulia di kalangan murid-murid. Membentuk tabiat membaca di kalangan kanak-kanak dan masyarakat amnya, belia yang berilmu dan cintakan buku adalah lebih cenderung kepada kegiatan yang membina untuk pembentukan sahsiah dan keperibadian yang berakhlak tinggi. Masyarakat mesti kembali ke pangkal jalan, kembali kepada agama, kembali kepada kekuatan tatasusila ketimuran untuk dijadikan asas pembinaan negara melalui kemajuan ilmu pengetahuan sains dan teknologi.

Hari ini setiap 700 murid akan diperuntukkan dengan seorang guru kaunseling. Saya rasa ini amat membebankan. Untuk itu, saya ingin mencadangkan supaya ianya dikurangkan. Biarlah 200 orang murid diperuntukkan seorang guru kaunseling, yang mana sebelumnya ini 700 itu adalah terlalu ramai untuk seorang guru kaunseling. Mudah-mudahan dengan cadangan ini, gejala seumpama ini akan dapat mengurangkan masalah yang kita hadapi pada hari ini.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam dunia ini kalau dilihat kajian-kajian berbagai-bagai bangsa mempunyai kelebihan dan kekurangan. Di Malaysia sahaja kalau kita lihat masalah-masalah kejatuhan moral ini tinggi di kalangan anak-anak orang-orang Melayu. Kurang di kalangan anak-anak orang Cina, dan sedikit di kalangan orang India. Ini mungkin kerana bilangan mereka juga sedikit, tetapi kalau kita kaji peratusan, memang masalah ini ramai di kalangan orang Melayu dan sedikit di kalangan orang-orang Cina dan India. Mungkin ini adalah satu peranan yang perlu dilihat. Kalau pakar-pakar sosiologi, antropology perlu mengkaji secara mendalam apakah sebabnya masalah ini kurang di kalangan orang-orang Cina. Apa sebabnya lebih kepada anak orang-orang Melayu ataupun orang Islam. Tentunya dalam membentuk budaya yang baik saya rasa perlu dikaji, dan saya ingin mencadangkan. Kalau budaya-budaya yang baik di sesuatu bangsa itu kita kumpulkan menjadikan satu bangsa Malaysia.

Sikap orang-orang Melayu berbudi bahasa, peramah, sopan-santun. Ini adalah satu tabiat yang baik; menghormati orang tua pada masa yang lalu, ini perlu kita kekalkan. Sikap orang-orang Cina pula ingin berjaya; bangun awal, rajin berusaha untuk lulus peperiksaan dan ingin maju dalam peperiksaan. Ini perlu kita kekalkan. Orang-orang India sikap baik, sikap peramah, suka bercerita, suka layan tetamu, perlu dikekalkan. Kalau kita kumpulkan sikap ramah-tamah orang Melayu, rajin bekerja orang Cina, sikap suka melayan orang India, menjadikan satu bangsa Malaysia yang begitu baik, canggih, mapan ke arah melahirkan masyarakat Madani dengan lebih mantap, sesuai sebagaimana yang diwacanakan di dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali juga pernah menyarankan supaya dalam konteks menjaga disiplin, barangkali ada baiknya kita menghantar pegawai-pegawai kita atau pakar-pakar kita ke negara jiran kita,

Thailand untuk melihat bagaimana disiplin ini mereka laksanakan sehingga murid-murid itu begitu akur dan taat kepada guru. Saya amat bersetuju dengan cadangan ini selain daripada apa yang telah saya cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Koridor Raya Multimedia (MSC), usaha membina Malaysia ke arah informasi yang akan memastikan pertumbuhan ekonomi yang tinggi bagi mencapai wawasan kita. Kawasan seluas 750 kilometer persegi telah dipilih sebagai pusat pelaksanaan projek ini selaras dengan keputusan kerajaan yang akan memindah pusat pentadbiran ke Putrajaya atau dahulunya sebagai Perang Besar. Dengan ledakan teknologi maklumat pada masa ini, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengambil peluang daripada trend semasa ini untuk menikmati pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Beberapa aplikasi khusus telah pun dikenal pasti hasil daripada kajian yang telah dijalankan oleh sebuah task force yang dianggotai oleh Telekom Malaysia, Nippon Telephone dan Telegraph NTT, MIMOS, Mc Kenzie dan juga Post Alan, di mana kumpulan ini telah membentangkan hasil kaji selidik dan cadangan-cadangan kepada pihak kerajaan pada 1hb. Oktober, 1996 untuk mengawasi perjalanan pelaksanaan MSC atau Koridor Raya Multimedia. Sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan MSC telah pun ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan timbalannya oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Menurut maklumat yang saya perolehi, yang akan bermesyuarat paling kurang dua bulan sekali. Tujuh aplikasi khusus telah pun dikenal pasti bagi menjayakan MSC, iaitu pentadbiran kerajaan elektronik, sekolah bistari, teleperubatan, kad pelbagai guna kebangsaan, kelompok pusat penyelidikan dan pembangunan, jalinan pengeluaran sedunia dan pusat pemasaran tambahan.

Empat aplikasi utama yang diberi perhatian serius oleh kerajaan dinyatakan sebagai berikut:

Kerajaan secara elektronik -

Aplikasi ini mendapat perhatian yang begitu serius daripada Perdana Menteri dan jawatankuasa pemandu projek ini yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dengan kerjasama Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan (MAMPU), keseluruhan projek ini melibatkan beberapa syarikat daripada dalam dan luar negeri yang menganggotai beberapa pasukan task force tadi.

Pelaksanaan aplikasi ini secara positif akan membantu meningkatkan keberkesanan pentadbiran kerajaan dengan menggunakan teknologi maklumat terkini. Pentadbiran kurang kertas ini akan menggunakan sepenuhnya sistem komputer termasuklah untuk menyimpan dokumen dan perhubungan. Dari segi teknikalnya, projek ini akan memberi faedah yang amat baik di dalam meningkatkan mutu pentadbiran kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dengan serius oleh pihak kerajaan. Antara lain, faktor keselamatan sistem komputer yang boleh dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab jika tidak diberi perhatian dengan sewajarnya.

Faktor latihan yang perlu diberi kepada mereka yang terlibat dengan sistem baru ini serta pergantungan kepada pihak pembekal semata-mata untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sistem akan memberi implikasi yang amat merbahaya kepada keselamatan dokumen negara dan keselamatan negara secara umumnya. Maklumat-

maklumat sulit akan dapat dicapai oleh pembekal yang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan jika pengawasan rapi tidak dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, antara beberapa soalan yang timbul daripada pelaksanaan projek ini, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh INTAN sebagai badan yang bertanggungjawab secara langsung di dalam memberi latihan kepada kakitangan kerajaan untuk menjalankan pentadbiran elektronik ini.

Yang kedua, siapakah yang akan bertanggungjawab secara langsung terhadap penyelenggaraan sistem kerana tanpa pengawalan yang teliti pihak-pihak luar yang berkepentingan dapat mengambil peluang untuk mendapatkan maklumat negara yang sulit.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Bistari merupakan satu lagi projek yang diberi keutamaan oleh pihak kerajaan dan tahniah khusus kepada Yang Berhormat Dato' Menteri Pendidikan yang telah mengilhamkan Sekolah Bistari ini di mana jawatankuasa pemandunya dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan. Semua sekolah akan dipastikan untuk mempunyai perkhidmatan Internet di dalam masa dua tahun sebagai langkah untuk memperketatkan lagi kadar intelek teknologi. Model Sekolah Bistari akan dibangunkan dalam MSC dan kemudian akan dikembangkan kepada sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia. Syarikat-syarikat yang menerima status MSC akan memberi peluang untuk mencorakkan konsep 'sekolah pintar' dengan pembangunan perisian aplikasi kurikulum latihan guru dan kakitangan serta infrastrukturnya.

Sejauh manakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan di dalam memberi latihan kepada guru-guru yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambah bilangan guru-guru yang

tidak mencukupi. Kemudian bagaimanakah jadual pelaksanaan projek Sekolah Bistari ini mengikut peringkat-peringkat sekolah dan langkah-langkah yang akan diambil bagi meningkatkan taraf sekolah di luar bandar. Apakah kesan kepada Sistem Peperiksaan Kebangsaan yang dilaksanakan pada masa kini dan sistem gaji perlulah dipertimbangkan kepada guru yang terlibat memandangkan skill dan kemahiran mereka diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, projek ini memerlukan pelaburan yang tinggi dan apakah layak untuk mengelakkan masalah memandangkan pertukaran teknologi yang begitu cepat. Di Dewan yang mulia ini saya juga ingin mencadangkan agar istilah-istilah di dalam MSC hendaknya diselaraskan secara menyeluruh dan Dewan Bahasa dan Pustaka perlulah bekerjasama dengan semua pihak yang ada kaitan seperti institut-institut pengajian tinggi dan para pakar di dalam bidang MSC supaya istilah yang dicipta tidak bercanggah dengan maksud asal dan biarlah istilah itu mempunyai identiti Malaysia yang tepat dan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terlalu banyak yang hendak diperkatakan tetapi memandangkan ramai lagi rakan-rakan yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, maka saya ingin menyentuh beberapa perkara khususnya mengenai dengan keadaan pengedaran dadah di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan dadah khususnya ubat batuk, pil khayal dan sabu adalah sangat serius berlaku di negeri Sabah. Baru-baru ini polis telah berjaya merampas 216 gelen ubat batuk dan 75,000 biji pil khayal di Kota Kinabalu, di Tanjong Lipat pada 14hb. Mei 1997 dan ini menunjukkan penyeludupan dadah merbahaya ini telah mencapai satu tahap yang amat membimbangkan terutamanya masyarakat di Sabah dan tidak terkecuali daerah saya iaitu di Keningau, Sabah.

Penyalahgunaan ubat batuk dan pil khayal telah menjadi gejala sosial yang amat serius di Sabah.

Di samping itu, masyarakat mengambil perhatian terhadap isu masalah sosial seperti budaya lepak dan bohsia, masalah penglibatan pelajar dalam jenayah dan penyalahgunaan dadah telah menjadi isu baru dalam menangani gejala sosial pada masa ini. Sebenarnya, pelajar merupakan harapan negara pada masa hadapan, akan tetapi penglibatan pelajar di dalam perkara yang kecil ini akan menimbulkan masalah sosial menjadi penghalang kepada negara di dalam perkembangan menuju ke era negara maju.

Olah yang demikian, kita perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi isu penglibatan pelajar dalam jenayah dan penyalahgunaan dadah seperti pil khayal, ubat batuk dan ganja telah mencapai tahap yang membimbangkan semua lapisan masyarakat di negeri Sabah.

Disebabkan bekalan bahan-bahan tersebut mudah diperolehi seperti di pusat-pusat hiburan, tempat-tempat awam malahan di gerai-gerai haram atau melalui penjaja-penjaja bergerak, maka masalah tersebut telah menjadi lebih serius dan merebak dengan lebih cepat walaupun penguatkuasa ada menjalankan operasi untuk merampas bekalan tersebut tetapi ubat batuk dan pil khayal tidaklah dikategorikan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

Mak mereka yang terlibat dan pengedar ubat batuk dan pil khayal hanya dikenakan dengan denda dalam bentuk wang ringgit yang tidak kurang daripada RM3,000 dan jel satu tahun. Kepada mereka yang terlibat, perkara ini adalah terlalu mudah sebab perolehan daripada menjual pil dan ubat batuk ini melibatkan keuntungan yang beribu kali lipat ganda. Untuk itu, saya merayu kerajaan akan meminda Akta Dadah Berbahaya supaya membolehkan penyalahgunaan ubat batuk dan pil ini dapat dibanteras secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, saya juga turut menyentuh sedikit mengenai dengan tanah hutan simpan yang mana ada cerita lucu yang berlaku di negeri Sabah. Saya tidak tahu bagaimana perkara ini boleh berlaku. Satu ketika dahulu di satu daerah yang tidak perlu saya sebut di negeri Sabah, jabatan hutan belum wujud. VGR, dengan izin, hutan simpan di situ, hutan simpan kelas pertama, tidak ada siapa yang berani mengusik sebab memang hutan tersebut adalah hutan simpan yang tidak boleh diganggu-gugat. Malangnya satu ketika, pihak jabatan hutan telah mewujudkan pejabat di tempat berkenaan. Tidak tahu di mana silapnya, bila sudah ada penjaga, sudah ada jabatan hutan yang sepatutnya menjaga, malang berlaku, ‘harapkan pagar, pagar makan padi’.

Maka hutan simpan yang menjadi kebanggaan orang Sabah di tempat berkenaan akhirnya musnah begitu sahaja. Angkara siapa ini? Saya mohon pihak berkenaan yang bertanggungjawab untuk mengawal perkara ini barangkali tolonglah perpanjangkan akta itu atau barangkali Dasar Perhutanan Negara ini kalau boleh biarlah disampaikan ke Sabah.

Satu ketika di persempadanan Malaysia/Indonesia di sebelah Pensiangan, kadangkadangkang tentera yang didatangkan daripada Semenanjung ini untuk mengawal keselamatan dan secara tidak langsung para pencuri kayu balak telah tidak berani menyentuh hutan simpan berkenaan kerana ada tentera yang menjaga. Saya mohon maaf dan barangkali tidak keterlaluan kalau saya katakan kalau setakat Polis Daerah Keningau sahaja tidak ada yang takut, kalau setakat Pegawai-pegawai Hutan Keningau sahaja tidak ada yang

takut dan yang bagusnya tentera-tentera yang ditempatkan di sini setiap tiga bulan, mereka ditukarkan.

Jadi, saya merayu supaya hutan-hutan di negeri Sabah terutama penecuri-pencuri yang tidak bertanggungjawab ini dibanteraslah secepat mungkin, kalau tidak 58% ini barangkali hanya tinggal 48% atau saya takut nanti jadinya tinggal 38%.

Dato' Pengerusi,

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat!

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Bukan Dato' Pengerusi, itu yang pertama.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Oh! Tuan Yang di-Pertua, minta maaf!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang keduanya, mengapa hendak ditukar tentera ini tiga bulan sekali?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Barangkali itu mengikut arahan daripada pihak atasan. Tuan Yang di-Pertua, itu bagus, sebab dia belum sempat bermesra-mesra sudah ditukarkan. Kalau begitu, cukup bagus!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Oh, bagus?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ha, bagus, jangan lama-lama! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, ini mengenai dengan guru-guru KAFA di bawah JAKIM atau BAHEIS sebelumnya. Saya difahamkan kakitangan ini hampir lapan bulan belum menerima elaun mereka. Saya mohon kepada mereka. Saya mohon kepada

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Apa namanya tadi? Cuba berucap perlahan-lahan sedikit sebab Yang Berhormat Menteri ini hendak menulis.

Tuan Haji Sairin bin Karno: JAKIM!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: JAKIM.

Tuan Haji Sairin bin Karno: JAKIM saya ingat Yang Berhormat Menteri maklum.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Hah! Tidak dibayar gaji lapan bulan?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Sudah lapan bulan belum menerima elaun!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Elaun! Gaji dapat?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ya, elaun!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Elaun sahaja!

Tuan Haji Sairin bin Karno: Kalau pun gaji, gajilah - kalau namanya gaji. Jadi, saya mohon supaya masalah JAKIM ini guru-guru KAFA in diselesaikan secepat mungkin kerana saya difahamkan kes ini sama dengan Majlis Agama Islam Sabah (MAIS) apabila bertukar kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JAHIN). Begitu juga dengan BAHEIS satu ketika dahulu telah berpindah kepada JAKIM, tetapi saya rasa lapan bulan adalah terlalu lama dan terlalu lambat.

Di samping itu, penyelia-penyelia atau pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan di daerah-daerah tidak mempunyai kelengkapan termasuklah meja dan pejabat. Saya mohon supaya ini diambil perhatian yang serius. Sebab, guru-guru KAFA inilah yang memberi nafas baru, yang antara lain boleh menghindarkan gejala sosial ini terus berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, barangkali ini mengenai dengan kedudukan Dewan Negara kita ini, saya difahamkan Dewan Rakyat telah diberikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri seorang satu AP. AP ya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya tak tahu, AP apa maknanya?

[Ketawa]

Tuan Haji Sairin bin Karno: AP kereta.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: AP itu apa? Perkataan 'A' itu apa? 'P' itu apa?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Approve Permit, dengan izin. Jadi kalau,....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Approve Permit motokar ya?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ya.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Motokar ya, bukan balak?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Bukan. *[Ketawa]* Kalau Ahli-ahli Dewan Rakyat diberikan seorang satu, apa malang Dewan Negara ini, kenapa kita tidak diberi. Jadi, saya minta supaya kita juga diberikan seorang satu. Kita bukan ramai baru 66 orang.

Datuk Rahim bin Baba: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Dia minta laluan ini. Ya, Yang Berhormat.

Datuk Rahim bin Baba: Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat tadi. Saya ada membaca di dalam surat khabar katanya Ahli-ahli Parlimen telah pun diberikan satu AP. Pada pengertian saya, kalau Ahli Parlimen itu termasuklah Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara, jadi saya harap Yang Berhormat check dahululah sama

ada betul atau tidak hanya Dewan Rakyat sahaja diberi. Adakah Yang Berhormat telah mendapat penjelasan ataupun pengesahan daripada kementerian yang berkenaan?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih di atas soalan itu. Memang belum, tetapi saya nampak kawan kita daripada Dewan Rakyat sudah pegang dia punya approval. Jadi, sekiranya mereka sudah mendapat dan kita belum dapat - itu susah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat tadi hendak bercakap berkenaan dengan AP ataupun hendak minta

Tuan Haji Sairin bin Karno: hendak minta.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:..... dia punya cukainya turun, yang mana satu? *[Ketawa]*

Tuan Haji Sairin bin Karno: Hendak minta AP serupalah itu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Oh! Bukan cukai ya!

Tuan Haji Sairin bin Karno: Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa elaun Ahli Dewan Negara ini masih lagi di tahap RM3,000 keseluruhannya dan Ahli Dewan Rakyat RM5,000. Saya tidak berapa pasti sama ada ini boleh disamaratakan. Jadi, kalau tidak saya ingin mencadangkan supaya Ahli Dewan Negara juga mendapat RM5,000 lulus tidak lulus - lain ceritalah, tetapi kita minta. Saya percaya rakan-rakan akan menyokong perkara ini.

Begitu juga dengan tiket kapal terbang terutama yang daripada negeri-negeri yang menggunakan kapal terbang, terima kasihlah kepada Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam khususnya Kementerian Pengangkutan sebab memberikan potongan 25%, tetapi bukan orang kata 'diberi betis hendak peha'. Kalau boleh kita merayu supaya 25% ini juga menyeluruh untuk business class dan first class di dalam negeri. Apabila saya cuba

minta untuk anak-anak dan isteri saya, rupanya tidak termasuk. Jadi, saya mohon supaya dimasukkan....

Seorang Ahli: Isteri ada.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Oh! Isteri ada. Anak-anak tidak, minta maaf. Jadi, saya mohon supaya ini juga dimasukkan dalam cadangan supaya 25% ini menyeluruh untuk isteri dan anak-anak.....

Seorang Ahli: Isteri-isteri.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Oh! Isteri-isteri, betul. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Apa makna isteri-isteri ini? *[Ketawa]*

Tuan Haji Sairin bin Karno: Lebih daripada satu, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat Datuk Rahim bin Baba setujuakah itu? *[Ketawa]* Ya, teruskan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Satu lagi, ini mengenai dengan MPR....

Seorang Ahli: MRP.

Tuan Haji Sairin bin Karno: MRP Minor Rural Project atau peruntukan-peruntukan kecil luar bandar. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang dikasihi kerana telah memberi kita RM100,000 untuk tempoh satu penggal dan kalau dua penggal cuma RM200,000.

Saya juga ingin merayu dan mencadangkan, ini pun saya rasa rakan-rakan di Dewan Negara ini semua setuju, daripada 66 Ahli Dewan Negara sekarang ini atau 60 ke bawah, kalau boleh kita ulang permohonan kita dahulu semasa pertemuan dengan Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri, kita mohon RM300,000 untuk satu penggal, maknanya satu tahun ialah RM100,000. Jadi, kalau tiga tahun RM300,000.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya secara kebetulan Ketua Bahagian UMNO Keningau. Jadi, saya jaga daripada Gunung Emas, Kota Kinabalu sampai ke Saleliran sempadan Indonesia yang besarnya satu Negeri Sembilan campur satu perempat negeri Melaka untuk satu Parlimen Keningau. Oleh itu, bayangkanlah kalau boleh saya percaya rakan-rakan lain pun ada juga yang menghadapi masalah macam saya sebab secara kebetulan kita punya Ahli Dewan Rakyat pun dari Pembangkang dan wakil-wakil rakyat pun Pembangkang. Jadi, dengan adanya sedikit imbuhan atau pemberian daripada Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Kewangan kita, mudah-mudahan ini akan dapat mengubati hati-hati yang luka orang-orang di pergunungan dan di pedalaman itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya rasa perlu juga saya sentuh mengenai dengan peruntukan sewa hotel. Sekarang ini kita diperuntukkan sebanyak RM200 ke bawah satu malam, kita bukan mahu perbandingkan tetapi saya lihat untuk kakitangan kerajaan ada yang lebih daripada itu dan ada yang sampai RM300. Kita tidak berkecil hati kalau boleh RM200 itu dinaikkan sampai RM300 sama tarafnya dengan pegawai-pegawai kerajaan. Jadi, ini adalah cadangan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melihat masalah kita di Dewan Negara ini dan juga di Dewan Rakyat, kadang-kadang saya tidak tahu mungkin kerana Tuan Yang di-Pertua baru, kemudian nama-nama sukar kita dikenali, kalau tidak pun barangkali sistem di situ ada, kalau boleh kita buat macam ini nama-nama kita [*sambil mengangkat nama di atas meja*] supaya senang dilihat, bila disebut okay 'Tuan Haji Sairin bin Karno' - jadi senang sebut.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Kena besar sedikit Yang Berhormat, tidak nampak juga daripada sini.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Yalah, dia buat macam ini [*sambil memusingkan nama di atas meja*].

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak nampak.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Dia buat slanting macam ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak nampak.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tidak nampak juga. Kalau begitu biarlah dibesarkan sedikit. Ikut cadangan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tambah pula yang di atas ini sudah tua-tua sedikit lagi tidak nampak.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Lagi, bila sebut 'tidak nampak', Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lampu kita yang di atas ini pun tidak ada bulb. Jadi, kalau boleh kita mohonlah supaya pihak pengurusan di Parlimen ini diganti baru.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat cadang tubuhkan satu jawatankuasa dan Yang Berhormat menjadi pengerusi, bawa sendiri. [*Ketawa*]

Tuan Haji Sairin bin Karno: Kalau itu yang diminta, kalau dibolehlah - boleh. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi banyak soalan saya lihat, yang telah ditanyakan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya tidak tahulah rakan-rakan lain, tetapi dalam pengalaman saya banyak soalan yang kita tanya, kita minta untuk dijawab tidak dijawab. Jadi, kadang-kadang mahu tanya dua-tiga kali nanti orang bilang 'Oh! Ini dia ciplak daripada soalan saya dahulu'. Oleh itu, saya mohon kalau boleh supaya setiap soalan-soalan yang tidak terjawab ini diberi jawapan secara bertulis.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat ada Jawapan Bertulis diberi selepas soalan tidak dijawab.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak dapat dinafikan, cuma itu kadang-kadang.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua,....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh saya minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Silakan, laluan sudah diberi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai jawapan daripada kementerian -kementerian apabila soalan kita dikemukakan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam masa menjawab soalan ada juga kementerian yang menyatakan 'oleh kerana tidak ada persediaan, kita akan menjawab secara bertulis'. Tetapi biasanya saya tidak mendapat jawapan bertulis sehingga habis mesyuarat Dewan atau sehingga kita bermesyuarat kembali belum juga mendapat jawapan. Terima kasih.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, seratus peratus setuju.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Apa setuju ini?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Kadang-kadang pihak yang berkenaan mengatakan dia akan jawab secara bertulis, tetapi tunggu punya tunggu tidak ada jawapan. Jadi, itu pun mahu dibangkitkan juga. Saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya rasa perlu saya sentuh ialah mengenai dengan rasuah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya begitu tegas dan ingin melihat supaya negara Malaysia yang tercinta ini tidak akan menjadi

gelanggang rasuah. Telah banyak diperkatakan orang tentang penyakit rasuah, pelbagai pendapat dan cara mengatasinya juga telah dikemukakan.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya minta duduk sekejap, saya hendak bertukar tempat sekarang ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, sila sambung.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu negara Malaysia yang tercinta ini menurut laporan akhbar yang saya baca beberapa waktu yang lalu di mana negara kita telah diklasifikasikan sebagai negara nombor 7 pengamal rasuah. Jadi, sama ada benar atau tidak benar, tetapi di mana-mana negara di dunia ini, perkara ini memang berlaku, cuma kalau boleh, walaupun kita tidak boleh hapuskan, tetapi kita cuba sedaya-upaya, kalau tidak boleh pun kita kurangkan sedapat mungkin sebagaimana di dalam UMNO sendiri ini telah dipraktikkan. Kita berharap juga parti-parti komponen lain akan menyusuli langkah yang telah diambil oleh Presiden UMNO Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad agar ianya dapat kita laksanakan secara sama-rata.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pernyataan yang saya baca bermula daripada tahun 1973 hingga 1974 tangkapan di kalangan orang awam lebih banyak daripada pegawai kerajaan di dalam kes rasuah ini. Tetapi malangnya selepas tahun 1975 hingga 1995 tangkapan terhadap pegawai awam melebihi daripada orang awam. Mungkin taksiran yang boleh dibuat daripada perbandingan statik tangkapan di atas pada tahun 1973 dan 1974 adalah kerana moral pegawai awam pada tahun 1970-an lebih tinggi dan peka tentang bahaya dan ancaman rasuah mendorong mereka melaporkan sebarang percubaan merasuah sehingga tangkapan begitu besar ke atas si pemberi rasuah. Sebaliknya

mungkin juga selepas tahun 1975 moral pegawai awam semakin merosot kerana melupakan hak dan tanggungjawab mereka terhadap peruntukan undang-undang Akta Pencegahan Rasuah 1961 atau ada juga yang mengambil sikap tidak mahu mencari susah untuk membuat laporan polis kerana takut tindakannya itu tidak popular, di ancam, diugut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akibat kelemahan diri sendiri sebenarnya yang terlalu tunduk kepada kerakusan hawa nafsu untuk hidup mewah sehingga sanggup melakukan perbuatan rasuah seharusnya ditanggung sendiri oleh mereka yang melakukan. Mengapa perlu disalahkan orang lain sama ada si pemberi atau BPR yang diberi tanggungjawab untuk menangkap dan mendakwa mereka yang melakukan kesalahan itu. Bagi mencari jawapan kepada soalan tersebut marilah kita kembali kepada peruntukan undang-undang negara tentang jenayah rasuah iaitu Akta Pencegah Rasuah 1961 tidak pernah menyebut bahawa kes rasuah akan dilupuskan selepas ia disiasat atau didakwa dalam jangka masa tertentu dari tarikh kejadian. Apa yang boleh dimengertikan di sini ialah kes rasuah ini sebenarnya boleh disiasat dan didakwa pada bila-bila masa dan dari tarikh undang-undang tersebut dikuatkuasa, tidak kira sama ada si penerima rasuah itu masih bekerja atau telah bersara. Bayangkanlah kejadian rasuah yang mungkin berlaku ketika meluluskan lesen memandu kepada orang yang tidak layak memandu atau ketika kelulusan kenderaan yang tidak layak dipandu, maka berkeliaranlah pemandu-pemandu maut di jalan raya. Kemalangan itu mungkin sahaja bakal menyebabkan kematian dan kehilangan orang yang dikasihi. Andai kata terjadi bergitu ke atas keluarga sendiri tentu kita tidak sanggup membayarnya dengan darah dan air mata, kerana perbuatan rasuah oleh orang-orang kita sendiri.

Tidak terkecuali juga, Tuan Yang di-Pertua, isu rasuah bola sepak yang pernah saya sentuh di dalam Soal Jawab Mulut pada petang tadi, di mana bola sepak dalam Liga Perdana yang menghiasi dada-dada akhbar dan diikuti berita penangkapan dan pembuangan daerah berdozen-dozen pemain yang terlibat dengan rasuah. Belum pun reda peristiwa ini, bangunan retak, bangunan runtuh, binaan yang tidak ikut spesifikasi, kerja-kerja baikpulih akhirnya rebah menyembah bumi.

Begitu juga apa yang terjadi dengan tragedi tangki runtuh di Bukit Chagar adalah satu jawapan kepada kegawatan hasil daripada mentaliti rasuah yang sebelum ini diremehkan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan keadaan inilah barangkali bolehlah kita mengambil kesimpulan, kita semualah menjadi mangsa kepada rasuah dan kita jugalah orang yang rugi. Keuntungan yang diperolehi dari perbuatan rasuah tidak akan berkekalan, malah menjadi racun kepada diri dan keluarga, bukan sekadar di dunia tetapi juga di akhirat. Tepuk dada tanyalah iman akan hakikat itu, jangan ditanya pada selera kerana selera manusia kadangkala mengalahkan selera seekor buaya ganas. Apa tidaknya, seekor buaya hanya memakan sesuatu di sekitar seleranya sahaja tetapi manusia kadangkala memakan makanan yang jelas diharamkan ke atasnya, bahkan makanan yang boleh menjahanamkan diri dan masyarakatnya pun dibahamnya. Oleh itu, percayalah dan yakinlah bahawa perbuatan rasuah itu di mana sahaja ia berlaku, hakikatnya tiada sebarang kebaikan yang dibawanya melainkan kemusnahan semata-mata sama ada dalam jangka masa pendek ataupun panjang.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad menjawab soalan, saya telah mengajukan soalan agar pengisytiharan harta tidak hanya kepada pemimpin-pemimpin kerajaan sahaja, malah saya mohon di sini supaya pemimpin-pemimpin parti pembangkang juga turut mengisytiharkan harta mereka

kerana sebenarnya di negeri Sabah, beberapa pemimpin-pemimpin pembangkang juga turut mengamalkan rasuah yang bukan sedikit dan kalau boleh pihak berkenaan iaitu BPR carilah sumber-sumber, carilah sebab musabab kenapa tiba-tiba penyiasatan ke atas seorang pemimpin parti pembangkang hari ini diberhentikan, walhal beliau telah menyalah gunakan kuasa beliau semasa beliau memegang jawatan.

Untuk itu, saya ingin mencadangkan supaya seminar-seminar, kursus-kursus untuk memantapkan aqidah dapat dijalankan kepada semua peringakat baik daripada golongan kakitangan kerajaan sehinggalah kepada pemimpin-pemimpin parti politik sama ada ianya anjuran Biro Tata Negara, sama ada ia anjuran JAIN atau mana-mana badan yang berupaya untuk mengadakannya.

Yang kedua, saya juga ingin mencadangkan agar akta seperti yang dikenakan kepada penagih-penagih dan pengedar-pengedar dadah supaya harta pengamal rasuah ini yang telah disabit kesalahannya, juga harta mereka dirampas dan dikenakan tindakan hukuman yang lebih berat.

Yang ketiga, kempen yang lebih hebat di mana satu ketika dahulu kita telah berkempen berhabis-habisan untuk memerangi fahaman komunis dan kalau boleh kita juga turut mengadakan kempen yang lebih hebat sehebat-hebatnya untuk memerangi gejala rasuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi.....

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan ya.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Saya tertarik kepada sahabat saya Yang Berhormat mengatakan mesti ada buat satu kursus, BTN dan sebagainya untuk menghapuskan

rasuah. Pada saya, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat setuju, berkaitan dengan rasuah ini memang terlalu hebat. Kita semua manusia dan kita bukan Malaikat tetapi kita ada iman. Ini satu contoh, example, dengan izin, rasuah ini sama juga macam kita pandang api yang di dalam Dewan ini. ‘Api’ ini dalam bahasa Inggeris kita panggil ‘electric current’. Current ini tidak siapa berani pegang. Saya percaya dalam Dewan yang mulia ini seorang pun sahabat saya di sini tidak berani pegang current kerana takut mati, kalau current tetapi cuba kita eja bahasa jawi, sebab ada seorang penceramah agama mengatakan, cuba eja current, kita kata kab, alif, ra, nun - karen - semua orang tidak berani pegang current - mati - maknanya mati. Tetapi, cuba kita terbalikkan, nun, ra, alif, kab - maknanya neraka - neraka orang buat, itu dia rasuah, dia tahu masuk neraka, dia hendak rasuah. Jadi, hendak menghapuskan rasuah, saya rasa tidak payah BTN, tepuk dada tanya selera. Iman mesti tebal, kalau tidak ada iman memang rasuah menjadi-jadi. Kalau dia pegang benda yang haram kata dia halal, rasuahlah itu tetapi kalau dia beriman dia lawan. Kita ada dua - satu di dalam, satu di luar. Yang di luar ini memang tamak dan haloba, hendak kaya lekas,. biar rasuah pun tidak apa tetapi di dalam ini mesti ada kebatinan kita yang suci. Kalau kita kata ‘jangan, itu adalah dosa’ - tidak. Jadi, sekarang kita manusia tidak berani dengan current tetapi berani dengan api neraka. Inilah dia yang menjadi rasuah. Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Cuma barangkali sebab saya sebut tadi “tebuk dada tanya iman” jangan tanya selera sebab bila kita tanya selera lain jadinya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan saya sambung sedikit lagi.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Minta laluan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, kita difahamkan rasuah ada dalam bentuk wang dan kita juga

dimaklumkan sekarang ada rasuah agama. Pada pandangan Yang Berhormat, adakah kemungkinan berlakunya rasuah dalam penganugerahan bintang-bintang dan pingat-pingat?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, cuma soalnya barangkali kalau boleh lebih spesifik sedikit sebab kalau kita sentuh, kita ada 13 buah negeri di Malaysia dan barangkali saya tidak boleh nafikan bahawa ianya juga ada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan masalah pendidikan. Tahun lepas, di dalam Dewan yang mulia ini saya telah menyentuh beberapa masalah infrastruktur sekolah-sekolah di negeri Sabah khususnya dan saya percaya di pedalaman di seluruh Malaysia. Cuma saya sebut khusus untuk pedalaman di negeri Sabah kerana secara kebetulan kawasan saya di pergunungan itu - di Banjaran Crocker - Alhamdulillah, baru-baru ini semua sekolah di seluruh daerah pedalaman, saya percaya di seluruh negara telah dibekalkan dengan komputer, sesuai dengan kehendak kerajaan kita iaitu MSC. Namun, apa yang saya mohon kalau boleh, saya mohon supaya Kementerian Pendidikan di samping membekalkan komputer di tempat-tempat yang tidak punyai kemudahan tenaga elektrik dibekalkan dengan sebuah generator sebab menurut perkiraan saya sebanyak 78% sekolah-sekolah di daerah di Bahagian Keningau yang belum mempunyai tenaga elektrik. Jadi, saya mohon Kementerian Pendidikan supaya di samping membekalkan komputer yang cantik dan molek itu kepada sekolah-sekolah berkenaan disertakan dengan sebuah gen set.

Begitu juga dari segi pembangunan saya melihat bahawa perkiraan untuk satu bangunan yang besarnya 45 kaki x 90 kaki dengan peruntukan dari Kementerian Pendidikan disama ratakan iaitu peruntukan untuk bangunan tersebut sebanyak 50,000. Satu ketika dahulu mungkin, kalau sepuluh tahun yang lalu peruntukan begitu boleh,

tetapi nampaknya sejak akhir-akhir ini peruntukan untuk daerah Keningau yang jauhnya dari Kota Kinabalu 136 kilometer sama peruntukan dengan sekolah yang dibina yang kejauhannya dari Kota Kinabalu 450 kilometer. Bayangkan jalan yang dilalui, saya sebut satu nama tempat Saliliran Pensiangan berjalan dari Keningau dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda lapan jam, itu pun sampai satu tempat menggunakan kenderaan pacuan empat roda berpindah kepada pacuan tidak beroda iaitu perahu, bot. Kadang-kadang kalau sungai itu besar bolehlah sampai dalam dua jam, kalau tidak amatlah empat atau lima jam atau kadang-kadang terkandas. Jadi, kalau dikira dari segi peruntukan yang diberi, RM50,000 peruntukan di tempat yang sama dengan tempat yang terlalu jauh bersempadanan dengan Kalimantan, Indonesia, saya rasa Kementerian Pendidikan harus melihat perkara-perkara seumpama ini sebabnya nanti RM50,000 untuk membina bangunan sekolah jauh daripada mencukupi. Jadi, di sini saya ingin menyarankan untuk memudahkan supaya peruntukan RM50,000 itu untuk di kawasan-kawasan yang jauh seperti di kawasan Pensiangan biarlah diperuntukkan sebanyak tambahan RM20,000 maknanya RM70,000 - itu bersesuaian.

Selain daripada itu, satu ketika dahulu pihak Kementerian Pendidikan memperuntukkan elaun sara hidup susah, hardship allowance, dengan izin, diberikan kepada guru-guru yang mengajar di tempat-tempat yang tidak ada kemudahan elektrik, tidak ada kemudahan jalan raya, tidak ada kemudahan telefon dan sebagainya. Jadi, elaun ini pada satu ketika dahulu di negeri Sabah diberikan kepada guru-guru, tidak kira daripada mana guru asal mereka mengajar atau bertugas di tempat yang layak untuk menerima elaun hidup susah ini. Apabila sahaja Barisan Nasional memerintah, saya tidak tahu ini di negeri Sabah, apabila sahaja Barisan Nasional ini memerintah, tiba-tiba peruntukan tersebut telah dihentikan. Jadi, saya mohon kepada Kementerian Pendidikan,

election pun tidak berapa lama lagi, barangkali di Sabah kalau mungkin satu tahun setengah, saya tidak pasti. Jadi, saya mintalah, saya mohonlah kepada Kementerian Pendidikan supaya elaun hidup susah ini kalaulah bermasalah dengan Kerajaan Negeri Sabah, sekarang Kerajaan Negeri Sabah bukan lagi pembangkang, ia sudah Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO pula ada di sana. Kita mohonlah supaya dalam era Kerajaan Barisan Nasional ini memerintah, ianya dihidupkan kembali dan itu pun akan memulihkan imej Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru-guru bahasa Inggeris. Dalam perbahasan tahun lalu, ini juga telah saya bangkitkan, malangnya sehingga hari ini perkara seumpama ini sehingga hari ini masih belum dapat diatasi. Saya faham tetapi barangkali kalau boleh diberi kelonggaran. Anak-anak murid yang lulus Tingkatan Lima, asal lulus bahasa Inggeris atau Matematik sebab dua mata pelajaran ini kita kekurangan guru di daerah-daerah pedalaman supaya Kementerian Pendidikan mengkaji balik. Beri mereka peluang untuk sementara waktu ataupun untuk satu tempoh yang dibolehkan supaya murid-murid lepasan Tingkatan Lima ini yang lulus bahasa Inggeris dan Matematik dapat diambil untuk berkhidmat di pedalaman-pedalaman yang amat memerlukan guru-guru yang berkebolehan dalam dua mata pelajaran ini sebab sejak akhir-akhir ini bermula daripada tahun ini, pelajar-pelajar lulusan Tingkatan Lima tidak lagi diambil. Dia menunggu daripada guru-guru yang berkelulusan sekurang-kurangnya diploma, STP pun tidak diambil. Jadi, saya merayu bagi pihak orang-orang pedalaman supaya kelonggaran dapat diberikan agar mereka ini diberi peluang sebab yang diajar pun darjah satu, darjah dua sampai darjah enam. Jadi, saya percaya kalau setakat darjah satu hingga darjah enam, anak-anak kita yang lulusan Tingkatan Lima atau Tingkatan Enam ini mampu untuk memberi didikan kepada anak-anak kita terutama di pedalaman.

Ini, kadang-kadang kita mahu kecemerlangan sekolah - UPSR - kadang-kadang di pedalaman daripada 24 buah sekolah yang saya jaga, saya sebagai bapa angkat kepada sekolah-sekolah tersebut, kelulusan untuk UPSR amat menyedihkan. Daripada 24 buah sekolah hanya 3 buah sekolah yang mendapat kelulusan, itu pun barangkali dalam sekitar 20 - 30% - amat menyedihkan. Jadi, saya yakin seandainya perkara-perkara kelemahan dan kekurangan pendidik ini dapat diatasi, tidak ada masalah, sedikit sebanyak ianya dapat kita atasi dan masalah tersebut dapat dikurangi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan daerah Nabawan di mana daerah Nabawan di pedalaman Sabah ini mempunyai penduduk lebih kurang 18,000 orang, dan di daerah penuh Nabawan ini daripada 18,000 orang doktor yang telah diperuntukkan cuma satu orang. Saya merayulah kepada Kementerian Kesihatan walaupun kita kekurangan doktor tetapi takkanlah doktor tersebut diseksa yang mana penduduknya 18,000 baru seorang doktor yang ditempatkan. Saya mohon sekurang-kurangnya dua doktor ditempatkan dan daerah Suk berhampiran dengan Nabawan, nampaknya sudah agak lama siap tetapi saya tidak tahu sehingga hari ini pegawai-pegawai atau petugas-petugas yang sepatutnya ditempat di situ pada awal bulan Januari lagi tetapi sehingga hari ini, dalam bulan Mei ini tempat itu belum lagi diisi dengan pegawai-pegawai berkenaan. Seandainya ini berlarutan, saya rasa ini juga akan menggerhanakan Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sudah pun 6.30. Jadi kita sambungkan besok. Dewan ditangguhkan pada besok hari jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.